

Rawatan Tenaga Bunga

Bach

FLOWER REMEDIES

Dr. (H) Suraya Ariffin
Dr. (H) Muharsafa Kirana





Kandungan

1. PRAKATA 1	4
2. PRAKATA 2	5
3. MEMPEROLEHI EMOSI YANG POSITIF DAN MEMBUANG EMOSI YANG NEGATIF MELALUI TENAGA BUNGA	7
5. BAB 1	10
• MEMAHAMI PERUBATAN TENAGA DAN KAITANNYA DENGAN PERSONALITI	
6. BAB 2	13
• AL-KISAH PENGASAS BACH FLOWER REMEDIES, DR. EDWARD BACH	
7. BAB 3.....	16
• TUJUH KUMPULAN EMOSI	
8. BAB 4.....	21
• PERSONALITI BACH FLOWER	
9. PENUTUP	60
10. CART 7 KUMPULAN EMOSI & PENAWARNYA	61
11. RENUNGAN	62

prakata 1

Dr. (H) Kirana dan saya sudah banyak kali berbincang tentang penawar-penawar Bach flower yang dapat membantu masalah emosi ramai pesakit kami di klinik. Saya dan Kin (panggilan saya kepada Dr (H) Kirana) telah merawat beribu-ribu pesakit dan kami mendapati hampir 80% daripada mereka ini sebenarnya ditimpa penyakit akibat emosi yang meruntun jiwa yang akhirnya mengubah hormon dan sel-sel yang sihat menjadi merana.

Guru-guru saya selalu menyatakan bahawa 80% punca penyakit itu berasal daripada masalah jiwa. Jika jiwa yang dirawat terlebih dahulu, maka fizikal seseorang yang sakit itu akan perlahan-lahan menjadi lebih stabil dan akan menuju kesembuhan. Dengan itu, saya dan Kin bertekad untuk memperkenalkan rawatan dengan tenaga-tenaga bunga ini, kerana tersangat sedikit masyarakat Malaysia yang mengetahuinya, meskipun ianya telah 20 tahun digunakan di Negara-negara Eropah.

Allah swt tidak menjadikan sesuatu itu dengan sia-sia. Setiap penciptaan Allah swt pasti ada gunanya dan tersirat terlalu banyak rahsia yang tidak tergali oleh kita manusia. Namun, Dr. Edward Bach daripada England telah terpilih menjadi insan yang menyelidiki tentang 38 jenis bunga yang mempunyai khasiat penyembuhan bagi masalah emosi. Buku ini akan membawa anda untuk mengenali personaliti-personaliti yang telah dikenalpasti memerlukan bantuan tenaga bunga untuk menghilangkan penyakit yang berpunca daripada masalah emosi.

Selamat membaca dan mengamalkan Penawar Tenaga Bunga

Dr (H) Suraya Ariffin
Pengasas
Klinik Zarraz Medicare

PRAKATA II

prakata 2

Pengalaman Klinikal Penggunaan Penawar Bunga Bach

Bismillah wa hamdallah,

Maha Suci Allah yang menciptakan bumi dan langit, tidak ada daya upaya bagi diriku.

Bagi insan yang meneliti, memperhati serta mengambil iktibar daripada setiap kejadian, pastilah menemukan hikmah di sebalik khazanah bunga Bach ini

Sejak mempelajari bagi merawat diri sendiri diikuti pengajian formal seterusnya pengalaman klinikal, saya menyimpulkan bahawa lebih separuh daripada keluhan penyakit pada tiap insan datangnya daripada ketidakseimbangan jiwa atau emosi

Sakit kepala, sakit gigi bahkan penyakit parah menahun sekalipun selalu dibelakangnya ada usul atau asbab keruntuhan jiwa termasuk kecewa, sedih, marah, benci, dendam, ternoda dan khianat.

Semua orang pastilah menerima tekanan fikiran dan jiwa, sekarang kita sebutkan sebagai stress atau pressure. Namun masih ramai juga orang tetap bekerja, berkeluarga serta bergiat tanpa gangguan kesihatan yang parah. Apakah perbezaannya?

Perhatikan rajah di bawah:

Ketidakseimbangan yang saya pelajari secara formal merumuskan berikut;


Jasmani 25%

Emosi 25%

Rohani 25%

Intelek 25%

Namun penemuan selama beramal menyimpulkan ketidakseimbangan;



Anda boleh saja abaikan teori atau kesimpulan ini atas alasan apapun. Namun marilah dengarkan dahulu pengalaman rakan-rakan kita yang telah tertolongkan oleh si bunga Bach yang sederhana tapi indah ini

Penafian: Nukilan kisah-kisah di dalam buku ini adalah bagi tujuan pendidikan dan perkongsian mengenai pengalaman orang-orang yang tertolongkan serta mendapat faedah positif daripada penggunaan dan amalan penawar bunga bach. Ia tidak menggantikan mana-mana rawatan di sistem kesihatan nasional dan bukan merupakan nasihat perubatan. Nama, tempat dan pekerjaan adalah samaran bagi memudahkan pemahaman jalan cerita. Ia tiada kaitan dngan yang hidup mahupun mati, sebarang kebetulan atau persamaan adalah tidak disengajakan.

Dr (H) Muharsafa Kirana Bacho
 Pengasas Terapi Tusuk Jari
 Doktor Perubatan Homeopathy
 Klinik Zarraz Medicare
 Homeopath & Naturopath Bertauliah

MEMPEROLEHI EMOSI YANG POSITIF DAN MEMBUANG EMOSI NEGATIF MELALUI TENAGA BUNGA

PENAWAR TENAGA BUNGA	EMOSI NEGATIF	EMOSI POSITIF
AGRIMONY	Tekanan mental dan kebimbangan yang selalu disorokkan daripada orang lain. Kecelaruan jiwa.	Kedamaian, kebahagiaan.
ASPEN	Rasa takut kepada sesuatu yang belum tentu wujud.	Keupayaan untuk menghadapi sesuatu yang tidak dapat dikawal dengan tenang.
BEECH	Tiada tolak ansur.	Lebih memahami orang lain.
CENTAURY	Mudah terpengaruh dan diperalatkan oleh orang lain	Membentuk jati diri dan kekuatan dalaman.
CERATO	Tiada keyakinan dan terlalu mudah percaya kepada pendapat / nasihat orang lain	Yakin kepada diri sendiri dan keputusan yang dibuat.
CHERRY PLUM	Takut hilang pertimbangan kerana terlalu mengikut emosi negatif.	Mengawal emosi dengan bijaksana.
CHESTBUD NUT	Tidak memperhatikan pengalaman lalu, sehingga mengulang-ulang kesilapan.	Belajar dari kesilapan
CHICHORY	Mementingkan diri sendiri, sentiasa menuntut hak.	Membantu tanpa mengharapkan balasan
CLEMANTIS	Banyak berkhayal dan tidak fokus pada keadaan semasa yang memerlukan tumpuan	Berpijak di bumi nyata dan berupaya melihat sesuatu kepada perkara penting.
CRAB APPLE	Membenci diri sendiri, terlalu menumpukan perhatian terhadap perkara-perkara yang remeh dan tidak perlu. Si pembersih yang terlampau.	Menghormati diri sendiri dan berupaya melihat sesuatu dalam pandangan yang benar
ELM	Sering merasa diri tidak cukup bagus menjadi murung kerananya.	Membina keyakinan dan kekuatan untuk memikul tanggung jawab
GENTIAN	Selalu ragu-ragu dan cepat mengalah.	Optimis dan percaya pada keupayaan diri.

PENAWAR TENAGA BUNGA	EMOSI NEGATIF	EMOSI POSITIF
GORSE	Merasa tidak ada harapan apapun.	Berfikir lebih terbuka dan meletakkan harapan pada tuhan
HEATHER	Taksub kepada diri sendiri dan tidak prihatin pada orang lain.	Bermuhasabah (menilai) diri
HOLLY	Cemburu, dendam kesumat, sentiasa mencurigai orang lain.	Memahami, bertolak ansur dan tidak terlalu mementing diri.
HONEY SUCKLE	Sentiasa dibayangi kejayaan ataupun kegagalan hidup pada masa lampau.	Matang dan berpengalaman dan dapat melepaskan keghairahan ataupun musibah masa lalu.
HORNBEAM	Kepenatan mental dan fizikal kerana sentiasa tidak yakin keupayaannya untuk menjalankan tugas	Meraih kekuatan dan kemampuan untuk menggalas tanggungjawab
IMPATIENS	Hilang sabar, kelam kabut dan tidak bertoleransi.	Menjadi lebih sabar dan tenang
LARCH	Hilang kepercayaan diri untuk bangkit semula dan enggan berusaha lagi.	Yakin ada kejayaan.
MIMULUS	Takut dan phobia pada sesuatu yang tidak diingini. Selalu gementar.	Lebih berani menghadapi hidup
MUSTARD	Murung tanpa sebarang punca yang nyata. Suka menyendiri.	Optimis dan gembira
OAK	Bekerja keras tetapi rasa sangat tertekan.	Menjadi lebih seimbang dalam tugas dan kerehatan
OLIVE	Kepenatan fizikal dan mental akibat bebanan yang terlalu banyak.	Memperolehi kekuatan dalaman meskipun menghadapi banyak ujian.
PINE	Menyusahkan diri sendiri dengan mengambil tanggungjawab orang lain.	Belajar dari kesilapan dan tidak menyalahkan diri sendiri.
RED CHESTNUT	Rasa takut dan bimbang yang berlebihan terhadap sesuatu	Keupayaan untuk memikirkan perkara yang baik untuk diri sendiri dan orang lain.
ROCK ROSE	Phobia, trauma, panic, ketakutan melampau	Kuat semangat

PENAWAR TENAGA BUNGA	EMOSI NEGATIF	EMOSI POSITIF
ROCK WATER	Phobia, trauma, panik, ketakutan melampau	Menjadi contoh positif kepada yang lain, tanpa pengaruh yang keras melampau.
SCLERANTHUS	Ragu-ragu dan keyakinan tidak tetap (berbelah bagi.)	Berupaya untuk membuat keputusan yang baik dan tidak berubah fikiran.
STAR OF BETHLEHEM	Trauma yang kecil ataupun besar sentiasa menghantui hidupnya.	Berjiwa tenang
SWEET CHESNUT	Menyalahkan takdir, sepi dan sendiri.	REDHA
VERVAIN	Terlalu gigih dan memaksa orang lain untuk menerima pandangannya.	Lebih bijaksana dan fleksible serta tidak keterlaluan dalam sesuatu yang dikerjakan
VINE	Diktator dan sentiasa mahu orang lain menurut perintahnya.	Lebih memahami dan menjadi ketua yang bijak dan sabar.
WALNUT	Kecewa dan selalu terikut pengaruh yang lebih kuat	Berpegang pada prinsip diri dan tidak terlalu terkesan dengan pengaruh luar.
WATER VIOLET	Merasa diri bagus dan tidak suka bercampur dengan orang lain.	Tenang dan lebih terbuka.
WHITE CHESTNUT	Fikiran kacau, bercelaru yang menyebabkan depresi dan kemalangan.	Boleh berfikir dengan lebih baik dan lebih fokus.
WILD OAT	Tidak mempunyai matlamat hidup, semua yang dilakukan tidak jadi	Memahami hala tuju hidup dan menjalaninya dengan positif.
WILD ROSE	Menyerah kalah walhal tidak berusaha untuk memperbaiki keadaan diri	Bersemangat untuk mencari peluang dan pengalaman baru
WILLOW	Menderita dan sengsara kerana merasakan diri orang lain lebih beruntung daripadanya.	Lebih bersyukur dan menerima kejayaan orang lain tanpa rasa rendah diri.



Bab 1

Memahami Perubahan Tenaga Dan Kaitannya Dengan Personaliti.

Kesemua perubahan tenaga berasaskan frekuensi dari gelombang yang dihasilkan oleh sesuatu benda. Allah swt menjadikan setiap benda dari zarah (*partikel*) yang bernyawa, bergetar dan bergerak di dalam frekuensi masing-masing. Maka manusia yang berasal daripada tanah, juga mempunyai frekuensi yang tersendiri. Bunga-bunga, herba-herba, galian dan semua di alam ini mempunyai tenaga dan bergerak di dalam frekuensi masing-masing. Frekuensi yang bergerak dipanggil gelombang, dan gelombang ini boleh diukur dengan julat hertz. Maka tidaklah menghairankan bahawa semua ciptaan Allah swt ini mempunyai tenaga yang berbagai-bagai, yang mana tenaga-tenaga ini samaada boleh menyembuhkan ataupun merosakan kesihatan dan kehidupan manusia.

Adakala seseorang yang sakit dapat dipulihkan dengan herba, kemungkinan kerana herba yang terpilih bersesuaian dengan frekuensi asas tubuh pesakit yang semakin merundum. Maka tenaga dari herba meningkatkan semula frekuensi asalnya sehingga dia sihat kembali. Ada juga yang kembali sihat dengan haruman bunga kerana bunga juga mempunyai tenaga untuk mengembalikan tubuh kepada frekuensi asal manusia. Bukankah kita ini alam yang satu, yang saling perlu memerlukan? Gelombang-gelombang tenaga ini adalah sangat diperlukan untuk kesejahteraan semua hidupan di bumi Allah swt ini. Gelombang-gelombang tenaga ini bergerak dengan pelbagai cara. Gelombang tenaga bukan sahaja terhad seperti apa yang kita belajar di dalam buku teks sekolah seperti Gelombang bunyi, gelombang radio, gelombang electromagnet, gelombang cahaya, dan lain-lain lagi. Gelombang adalah alunan

dan pergerakan pelbagai hidupan yang dicipta oleh Allah swt. Setiap satunya mempunyai fungsi yang sangat hebat.

Perubatan Homeopathy adalah satu perubatan yang menggunakan tenaga-tenaga dari pelbagai unsur seperti tumbuhan, haiwan, galian, cahaya dan cairan. Bermula dengan pertemuan Homeopathy oleh Dr. Samuel Hahnemann dari German, perubatan tenaga yang lain telah menjadi ikutan oleh penyelidik-penyelidik perubatan yang lain seperti Dr. Schuessler (Bio-chemic Energy Medicine) dan Dr. Edward Bach (Bach Flower Remedies).

Perubatan Tenaga adalah sangat alamiah, tidak merosakkan alam sekitar kerana hanya sedikit bahan asal diambil dan digunakan sebagai biang dan diperkecilkan di dalam makmal. Seterusnya digunakan oleh para perawat. Perubatan tenaga telah digunakan di merata dunia. Terlalu banyak berjasa kepada ramai pesakit dalam rawatan pelbagai penyakit kronik ataupun akut. Oleh kerana terdapat banyak buku-buku yang ditulis mengenai perubatan Homeopathy, maka tidaklah perlu lagi kami menambah tentangnya. Pengetahuan mengenai penggunaan tenaga bunga Bach adalah sangat terhad dan kami terpanggil untuk menyebarkan sistem perubatan ini, yang tidak banyak bezanya dari Homeopathy, tetapi menumpukan seratus peratus kepada penggunaan tenaga bunga untuk masalah emosi.

Masalah emosi membuatkan fizikal dan mental menjadi tidak seimbang. Penyakit dihasilkan dari watak jiwa seseorang serta kalbunya yang tidak berada di dalam keadaan yang baik. Sesuatu yang berlebihan adalah petanda seseorang itu dalam keadaan yang tidak seimbang.

Merasa gembira adalah biasa, namun seseorang yang menunjukkan seolah-olah dia sangat gembira sebenarnya ada bayangan gejala-gejala kesihatan. Mungkin masalah jantung atau gangguan jiwa. Kegelisahan yang muncul sepanjang waktu juga membayangkan gejala-gejala sakit jantung. Orang yang mempunyai masalah limfa akan kurang selera makannya, merasa lemah-lemah, perut kembung dan haid tidak teratur. Jika dikaji semula, rupanya dia merupakan orang yang sentiasa khuatir. Merisaukan perkara-perkara kecil secara berlebihan.

Kesedihan boleh menyebabkan sakit paru-paru atau radang tenggorokkan. Ketakutan yang melampau pula memberi tekanan kepada masalah ginjal dan

berkemungkinan mendapat infeksi saluran kecing atau gangguan seksual.

Bagaimana pula orang yang sering marah-marah? Akan wujud pelbagai masalah seperti sakit kepala, masalah hati dan mata.

Bach Flower Remedies adalah suatu sistem penyembuhan yang berasaskan tenaga dengan menggunakan 38 jenis bunga untuk membantu memulihkan keadaan mental dan emosional seseorang. Apabila seseorang itu tidak mempunyai keharmonian di sudut emosi, akan muncullah gejala-gejala fizikal seperti yang disebutkan tadi, yang boleh memudharatkan kesihatan.

Rawatan tenaga bunga ini diperkenalkan oleh Dr. Edward Bach di tahun 1930-an. Telah dikenalpasti 38 jenis bunga tersebut yang dapat merawat dan mengawal keadaan emosi seseorang. Semoga penjelasan buku ini menyakinkan anda betapa agungnya ciptaan Allah swt, sehinggakan bunga-bunga pun diciptakan tidak sia-sia.

FREKUENSI GELOMBANG

NAMA		FREKUENSI	PANJANG GELOMBANG
Very Low Frequency	VLF	<30 kHz	>10 km
Low Frequency	LF	30-300 kHz	1-10 km
Medium Frequency	HF	300-3000 kHz	100-1000 km
High Frequency	VHF	3-30 MHz	10-100 m
Very High Frequency	VHF	30-300 MHz	1-10 m
Ultra High Frequency	UHF	300-3000 MHz	10-100 cm
Super High Frequency	SHF	3-30 GHz	1-10 cm
Extremely High Freq	EHF	30-300 GHz	1-10 mm



Al-Kisah Pengasas Bach Flower Remedies, Dr. Edward



Dr. Edward Bach
24.09.1886 - 27.11.1936

Dr. Edward Bach, seorang jejaka kakak yang lahir di desa Inggeris Morseley (berdekatan dengan Birmigham, England) adalah seorang yang sangat mencintai alam. Beliau mendapat pendidikan dalam bidang perubatan di University College Hospital, London dan kemudiannya memperolehi Diploma Perubatan dari Universiti Cambridge. Pengalamannya amat luas sebagai seorang pakar bedah di University College Hospital dan mempunyai pengalaman selama lebih daripada 20 tahun sebagai perunding kesihatan di Harley Street. Beliau juga merupakan seorang ahli bakteria. Hasil dari pengalamannya melakukan kerja-kerja penyelidikan dalam imunologi, beliau menjadi sangat sangat berminat untuk mengenali homeopathy lalu menyertai makmal Hospital London Royal



Homeopathic pada tahun 1919. Dr. Bach adalah insan yang bertanggung jawab mencipta tujuh nosode bakteria (*The 7 Bach nosode*), yang pernah menerima pengiktirafan dan sehingga kini digunakan oleh semua perawat Homeopathy.

Meskipun berada di dalam industri perubatan moden, Dr. Bach kurang berpuashati dengan amalan doktor-doktor perubatan moden. Mereka lebih menumpukan perhatian terhadap penyakit dan mengabaikan orang yang menderita penyakit tersebut. Beliau menyakini bahawa penyakit adalah kesan ketidakharmonian antara badan dan minda. Gejala penyakit adalah ungkapan dari emosi yang negatif.

Pada tahun 1928 Dr Bach disahkan mengidap sakit kanser dan dikatakan hanya mempunyai masa 3 bulan sahaja untuk hidup. Beliau mula mengusahakan ubat-ubatan sendiri yang diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan. Pada tahun 1930, ketika beliau berusia 43 tahun, Dr. Bach telah meletakkan jawatan dari Harley Street dan mengambil keputusan meninggalkan Kota London untuk mencari sistem penyembuhan baru yang melibatkan pemulihan melalui tumbuhan. Beliau sangat yakin bahawa satu sistem pengubatan baru akan dapat beliau ditemui. Dengan itu beliau bekerja di Wales dan kawasan pedesaan Inggeris dalam pencariannya menghasilkan sesuatu yang baru.

Kebiasaannya pada musim bunga dan musim panas Dr. Bach akan menemui pelbagai khasiat tumbuhan yang baru lalu beliau menyediakan ubat-ubat herba tersebut. Apabila tiba musim sejuk pula, beliau akan merawat pesakit secara percuma menggunakan ubat-ubat herba yang telah disediakan itu.

Menjelang tahun 1932, beliau telah menemui hasil yang pertama daripada 12 sistem rawatannya. Sistem tenaga bunga ini digunakan pada banyak pesakit yang datang kepadanya untuk mendapatkan rawatan. Pada tahun 1933, beliau mula membuat kumpulan kedua rawatan tenaga bunga yang beliau namakan *The Seven Helpers* (7 kumpulan bunga yang membantu masalah emosi).

Pada tahun 1934 Dr Bach berpindah ke Mount Vernon di Oxfordshire. Beliau

sentiasa mencari bunga-bunga di lorong-lorong dan ladang di sekeliling kawasan gunung ini untuk menyelesaikan 19 lagi penawar bagi melengkapkan sistem perubatan melalui tenaga bunga. Beliau juga terus mencari satu penawar untuk menyembuhkan penyakit beliau sendiri sehinggalah beliau temui satu tumbuhan tunggal yang dapat membantu dirinya.

Usaha gigih Dr. Bach demi mencari sistem perubatan ini terhasil dari titik peluhnya, kewangan, penderitaan dan pengorbanan peribadi yang sangat hebat. Maka tidaklah sia-sia apabila beliau meninggalkan pekerjaannya dengan gaji yang tinggi, meninggalkan tempat tinggalnya demi mencari penyembuhan semulajadi yang dihadiahkan dari Tuhan. Demi untuk menyebarkan pengetahuannya di dalam bidang perubatan tenaga bunga kepada masyarakat, Dr Bach mengwar-warkan karya beliau, terutamanya dalam kuliah umum dan artikel majalah. Beliau giat menulis artikel dan memberi ceramah di antara tahun 1933 dan 1936 berhubung dengan pemulihan emosi. Dr. Bach mengiklankan ubat-ubatan herbanya dalam dua akhbar harian sehinggakan perubatan tenaga bunga telah dapat menarik minat ramai orang awam. Namun begitu, kejayaan ini membuatkan Majlis Perubatan Umum tidak setuju dengan pengiklanannya. Dr. Bach tidak pernah putus asa dan meneruskan usahanya bagi memperkenalkan penawar dari 38 tenaga bunga ini sehingga akhir hayat beliau.

Dr Bach meninggal dunia secara aman pada malam 27 November 1936 ketika berumur 50 tahun. Pengalaman dan kecintaan Dr. Bach terhadap sistem perubatan melalui tenaga bunga kini digunakan di seluruh dunia.



Tujuh Kumpulan Emosi

Menurut kajian Dr. Edward Bach, emosi manusia ini telah terbahagi kepada tujuh (7) kelompok :

1. Ketakutan
2. Ketidakpastian
3. ketiadaan minat dan semangat tentang kondisi dan situasi saat ini
4. Kesepian
5. Terlalu sensitif terhadap pengaruh dan idea dari persekitaran
6. Mudah patah semangat atau putus asa
7. Terlalu peduli secara berlebihan terhadap orang lain

Maka 7 kelompok emosi ini dapat dibantu oleh beberapa jenis tenaga bunga

KETAKUTAN

1. Rock Rose: Takut panik, trauma yang susah dilupakan seperti banjir, kes ragut, kemalangan. Sentiasa menangis, tiada selera makan.
2. Mimulus: Takut pada keadaan; pesakit takut sakitnya makin parah, takut gelap,



takut dibuang kerja. Pendiam lepas disahkan hadapi kanser/SLE/leukimia

3. Cherry Plum: Anak yang susah cerai susu, berkepit sentiasa. Anak merajuk, berguling-guling dan meronta. Ibu yang marah, memukul anak kerana hilang kawalan
4. Aspen: Takut tak tentu pasal, risau berlebihan, berpeluh siang & malam gemuruh tak bersebab. Minda serabut
5. Red Chestnut: Terlalu bimbang akan hal org lain. Mengabaikan diri sendiri.

KETIDAKPASTIAN



1. Cerato: Hilang keyakinan diri, tidak yakin dengan keputusan yg dibuat. Suka meminta-minta nasihat dan pandangan org lain. Pesakit sangat suka bertukar-tukar ubat, ikut-ikutan cakap org lain.

2. Scleranthus: Serba salah, memilih antara dua pilihan, fikiran berubah-ubah, sakit berubah datang dan pergi.

3. Gentian: Mudah tawar hati, putus harapan. Berhenti mencuba apabila ada halangan.
4. Gorse: Tidak yakin dirinya boleh keluar dari masalah. Pesakit tidak yakin dirinya akan sembuh. Pesakit menahun yg kronik.
5. Hornbeam: Tidak sanggup hadapi tugas harian, letih, menanggukkan kerja.
6. Wild Oat: Tidak pasti apa yg dia betul-betul mahu dalam hidupnya. Pesakit diabetes, kegemukan, ulcer tetapi tak kuasa berpantang. Anak tidak minat bersekolah.



KETIADAAN MINAT/ SEMANGAT

1. Clematis: Angan dan khayalan masa hadapan. Tak fokus dengan keadaan & keperluan semasa.
2. Honeysuckle: Berkhayal dgn nostalgia lampau. Pesakit yang mengenang kemanisan hidup zaman lampau yang tak mungkin kembali.
3. Wild Rose: Hilang minat utk berusaha dan menerima keadaan. Pesakit skizofrenia, psikosis yang malas berubah.
4. Olive: Penat fizikal dan mental.
5. White Chestnut: Fikiran terganggu, konflik diri sendiri. Terlalu memikirkan sesuatu peristiwa hingga hilang fokus
6. Mustard: Menyendiri, menangis tanpa sebab.
7. Chestnut Bud: Sering mengulang kesilapan menyebabkan malas belajar. Anak degil yang susah diajar

KESEPIAN

1. Water Violet: Suka menyendiri, sombong, tidak prihatin. Suka memberi cadangan tetapi tidak mahu bertindak.
2. Impatiens: Pantas **berfikir** & bertindak tetapi kurang sabar. Sakit dada, sesak nafas akibat kurang sabar.
3. Heather: Mulut murai sentiasa inginkan pendengar, susah orang nak bercakap dengannya.



Terlalu Sensitif

1. Holy: Dengki, cemburu, dendam, kurang kasih sayang.
2. Walnut: Bunga yang menstabilkan minda, emosi, fizikal. Pesakit jadi tak stabil selepas berlaku perubahan; pindah rumah, haid pertama, putus haid.
3. Centaury: Tak pandai menolak permintaan orang, mudah diperalatkan, derita akibat kaum kerabat sendiri.
4. Agrimony: Pendam perasaan sorok dengan keceriaan, melayan perkara yang tidak patut; ketagihan masturbasi, dadah, alkohol.

Putus Asa

1. Crab Apple: Malu dan hina akibat ketumbuhan di badan. Impotensi akibat onani. Sentiasa rasa diri kotor. (OCD)
2. Oak: Bekerja kuat, tabah, tidak memberi peluang kepada diri sendiri.
3. Willow: Merasakan hidup ini tidak adil, iri hati dengan orang lain, susah memaafkan orang.
4. Star of Bethlehem: Tekanan emosi dan mental selepas kemalangan atau kematian orang tersayang.
5. Sweet Chestnut: Menguatkan jiwa dan rohani pesakit tahap terminal.
6. Elm: Terlampau membebankan diri. Pesakit mudah putus asa.
7. Pine: Marah dan tidak puas hati dengan diri, tidak dapat memaafkan diri sendiri. Pesakit idupan kronik
8. Larch: Berbakat tapi tidak yakin, jangka tidak akan berjaya maka dia tidak berusaha. Impotensi, rasa rendah diri.



Terlalu Peduli/Mahu Kesempurnaan

1. Rock Water: Tegas, menyusahkan diri demi pandangan orang lain terhadap dirinya.
2. Beech: Mahu sempurna, mudah mencari kelemahan orang lain.
3. Vine: Ketua/ pesakit yang suka mengarah, berpotensi bertindak kejam.
4. Vervain: Suka berhujah, provokasi, memaksa bertegang leher. Pesakit hipertensi yang pemarah, sering kekejangan.
5. Chicory: Sakit akibat menjaga keluarga yang sakit, terlampau mengambil berat hingga akhirnya rasa sesal.





Personaliti Bach Flower

Penawar-penawar daripada tenaga bunga adalah seraksi dengan masalah masaalah minda pesakit. Dengan itu adalah penting bagi kita mengetahui bagaimanakah personaliti seseorang itu mengikut personaliti bunga-bunga yang telah dikenalpasti.



I. BUNGA AGRIMONY

Agrimony adalah penawar bagi orang-orang yang menyembunyikan masalah mereka di sebalik senyum dan ketawa mereka. Mereka kadang-kadang beralih kepada minuman atau ubat-ubatan untuk membantu mereka tetap 'gembira'. Mereka cenderung untuk tidak bersendirian. Mereka mencari rakan-rakan yang suka berseronok agar boleh membuat mereka melupakan masalah yang mereka hadapi. Orang Agrimony sukakan keseronokan, keramaian (parti) kerana cara itu saja membantu mereka melupakan masalah mereka. Satu lagi sifat yang ada pada Agrimony adalah mereka tidak suka menyusahkan orang lain, rela mengalah dan cuba sedaya upaya untuk tidak menimbulkan masalah. Agrimony akan menggunakan jenaka dan senyuman palsu untuk mengelakkan kenyataan yang pedih.

KES KLINIKAL:

Keluhan : Masalah Tenaga Batin

Tuan Badrul telah lama berkhidmat di syarikat korporat di kota besar dan

kini di Pulau Pinang. Beliau datang bertemu di sebuah kafe di Jalan Burma bagi membantu saya mendapatkan bekalan selama mengadakan seminar di KWSP Georgetown.

Orangnya sangat ceria dan kuat pula ketawa, kami seperti sudah lama kenal. Waktu malam, beliau mengajak saya ngopi di jalanan, namun saya bukanlah spesies burung pungguk. Lagi pula esok masih ada sesi kaunseling di KWSP.

Pada hari terakhir seminar, saya mengajak Tuan Badrul pekena nasi kandaq sebagai tanda terima kasih memperkenalkan pembekal yang baik di Pulau Pinang. Sementara menunggu pesanan, saya perhatikan tabiat beliau suka menggigit hujung kuku di jari manis. Kelihatan jejarnya sedikit rosak atau haus akibat perbuatannya.

Kami berbual kosong dan saya mengambil kesempatan menceritakan tabiat anak autisme yang suka mencabut benang baju dan menggigit jari. Wajah beliau tidak panik mendengarnya bahkan ketawa lebih kuat. Beliau Tanya, “Mengapa begitu?” Saya katakan, sewaktu hamil ibunya banyak memendam perasaan. Apakah mengidam atau selalu dibentak suami atau mertua.

“Bagaimana kalau orang dewasa?” tanyanya lagi tanda minat. “Kalau orang dewasa, ini tandanya beliau seorang yang pemendam, pendendam atau suka memenangkan orang lain”. Matanya mulai redup. “Tuan ni macam bomoh lah.” Bibirnya sedikit keruh.

“Orang begini ada masalah pun tak nak cerita, tapi suka nak tolong orang”, saya sambung cerita. Kali ini matanya terbeliak. “Tuan sebenarnya saya segan nak Tanya. Lagipun ini benda sulit.” Katanya. “Insya Allah kami selaku pengamal, semuanya private and confidential.” saya memberikan jaminan.

Ringkas cerita kami terus bercerita. Rupanya beliau sudah bertahun berumah tangga tetapi belum dikurniakan rezeki anak. Isterinya sihat dan baik tetapi tidak suka beliau sering keluar malam serta selalu meminjamkan wang kepada rakan-rakan.

“Saya tak nak bertekak jadi saya keluar dan minum-minum. Saya ajak kawan jadi sayalah yang belanja.” ujarnya lagi.

Penawar: Agrimony dihisap sebiji di bawah lidah 3 kali sehari selama seminggu

Maklumbalas: selepas 3 bulan, mereka berkunjung ke pusat kesuburan dan Ujian mendapati bilangan sperma meningkat

Mereka datang ke Kuala Lumpur untuk berbulan madu semula. Selepas setahun diberitakan mendapat zuriat pertama.



2. BUNGA ASPEN

Aspen adalah penawar bagi seseorang yang tidak tahu apa sebenarnya yang dia takuti. Ketakutan yang tidak dapat dinamakan atau diketahui puncaknya (*Unknown mental fear*). Ketakutan Aspen mungkin tidak lebih daripada satu perasaan rasa takut, satu kebimbangan rasa gelisah tentang

sesuatu yang tidak diinginkan atau menakutkan seolah-olah akan berlaku. Kadang-kadang personality ini merasa takut kepada waktu malam. Perasaan takutnya akan datang pada waktu malam gelap. Dia merasa seolah-olah bulu tengkuknya berdiri, atau terasa lehernya tercekik, tidak boleh bernafas. Aspen juga akan takut untuk tidur. Penawar Aspen pasti akan menjadi ubat yang betul jika anda terjaga ketika tidur, gelisah dalam gelap kerana takutkan sesuatu-tetapi tidak tahu apa itu.

KES KLINIKAL

Keluhan: Kena Sihir

Makcik Senah datang jauh dari Kota Bharu semata-mata nak berubat sakit rheumatoid arthritis. Sudah merujuk ke pakar dan telah mendapatkan terapi selain ubat-ubatan. Selama runding cara beliau tidak habis-habis menceritakan beliau sudah redha kerana penyakit ini tidak boleh disembuhkan.

“Makcik ni meme kene bomoh, hok tut ok rhok selalu”, kece Kelate pekat pula beliau ni, hihi. Sudah tu kalut pula. Kita tak habis cakap, dia potong. Baru nak bancuh penawar, kalut tanya pantang larang dan tak ape ke andai terlangkah.

Beliau mengadu selalu berdiri bulu tengkuk menjelang maghrib. Ini menyebabkan detak jantung beliau laju sehingga menyebabkan sendi-sendi naik bisa malamnya.

Penawar: Aspen diberikan dalam bentuk air lalu disembur ke bawah lidah enam kali sehari serta disembur ke wajah selepas mandi dan sebelum tidur

Maklumbalas: Tidur mulai nyenyak, tiada lagi terbangun tengah malam. Kini sudah berani ke masjid dihantar anaknya naik kereta. Malam sudah tidak takut tetapi mesti buka lampu terang.

Lawatan ke pusat kesihatan mendapati keradangan telah menyusut,

tidak diberikan ubat tambahan tetapi dinasihatkan menjaga pemakanan serta menghindari kopi/teh.

3. BEECH

Beech digambarkan sebagai ubat untuk orang-orang yang perlu merasakan dirinya menjadi lebih baik dan mahukan keindahan/suasana positif disekeliling mereka. Personaliti Beech adalah orang yang langsung tidak mahu bertoleransi terhadap perbezaan orang lain. Mereka kekurangan kasih sayang dan pemahaman tentang keadaan dan perlunya memberikan laluan kepada orang lain. Mereka sangat berdisiplin, namun gagal untuk melihat bahawa mereka juga sedang berusaha ke arah kesempurnaan dalam cara mereka sendiri. Kadang-kadang Beech memperlihatkan toleransinya dengan ledakan marah. Remedy Beech adalah sangat penting bagi membantu seseorang yang perlu untuk belajar bertoleransi dan persefahaman agar hidupnya tidak lagi kesepian kerana semua orang ingin menjauhinya kerana sifat kerasnya yang sentiasa rasa dirinya betul dan perlu menang dalam apa juga perkara.



KES KLINIKAL

Keluhan: Migraine 18 tahun

Puan Katrine mengadu makin sakit kepala sebelah sejak menjawat Guru Besar di sebuah sekolah jenis A, bahkan Berpretasi Tinggi (SBT). Beliau tidak sembrono percaya kepada perubatan dan agak skeptik juga apabila saya diundang oleh Kelab Guru menyampaikan ceramah “Pengurusan Stress Secara Holistik” bagi program Latihan Dalam Perkhidmatan (LaDaP).

Kebetulan semasa ceramah, seorang guru diserang senggugut yang kuat dan minta keluar dari dewan. Seorang sahabat beliau meminta jika dapat dibantu. Saya berikan penawar MP melihat ragam beliau memegang lambung dengan kedudukan seperti menggulung badan. Alhamdulillah selepas kurang 10minit beliau mulai lega dan dapat mengikuti kuliah sehingga selesai.

Petang harinya, saat melapor minta diri ke Guru Besar itulah kami berkisah.

Boleh tahan hidung tinggi perempuan ini. Katanya guru besar dahulu bodoh, tak pandai buat kerja. Nasib baiklah dia bijak sehingga sekolah ini bertambah jaya. Katanya lagi guru-guru di sini bagai tukul dengan pemahat. Sekali ketuk sekali jalan. Cerewet sungguh!

“Saya sudah tak tahan makan pain killer tapi ubat awak ni takde side effect ke? Ada kelulusan KKM ke?” Amboi amboi, makan pain killer berani pula engkau, kata hati saya.

Penawar: Beech dihisap 3 kali sehari selama 3 hari kemudian diambil apabila jadual pekerjaan padat.

Maklumbalas: Tiada serangan selama 3 hari. Sakit kepala menyerang hari ke-4 namun hanya ringan dan lega dengan minum air suam.

Nota: Saya terjumpa guru sekolah berkenaan beberapa tahun kemudian. Beliau melaporkan hubungan Guru Besar bertambah baik dan sudah jarang marah-marah kerana tidak diserang sakit kepala. Maha Suci Allah.

4. CENTAURY

Centaury adalah bagi orang-orang yang sukar untuk mengatakan ‘tidak’ kepada orang lain. Centaury baik hati, jiwa lembut dan suka membantu. Sanggup bersusah payah untuk menolong kawan. Tetapi sifat ini menjadikannya sebagai mangsa orang mengambil kesempatan daripada kebaikan mereka ini. Centaury adalah orang yang tidak dapat membuat keputusan sendiri kerana selalu dibayangi oleh pendapat orang lain yang terdekat. Dia juga tidak dapat mempertahankan apa yang dia mahukan, sebaliknya akur dengan kehendak orang lain. Penawar Centaury tidak akan membuat seseorang itu menjadi keras hati atau menukarnya menjadi orang yang tidak berhati perut. Sebaliknya, ia membantu seseorang itu membangkitkan keberaniannya agar tidak ditindas. Remedi ini juga memberikan kemampuan kepada personality Centaury ini untuk menetapkan fikiran dan kemampuannya agar ia lebih berdikari.

KES KLINIKAL

Keluhan: Vertigo

Kak Ton bekerja sebagai pembantu pembersihan di sebuah syarikat penyedia perkhidmatan. Kami bertemu usai ceramah sesi perkongsian di Perkeso Negeri



Sarawak, Kuching.

Saat makan siang, saya membuka meja bagi kaunseling kesihatan. Beliau minta izin untuk pemeriksaan dan rundingcara. Masalah beliau ialah sering pening-pening sampai tahap putar alam. Dunia berpinar dan boleh sampai mual muntah.

Sudah dapatkan rawatan di rumah sakit umum dan dibekalkan pil tambah darah. Namun tiada perubahan yang bermakna.

“Kak Ton bersuami kedua bekerja sebagai pengawal keselamatan. Selalu balik lewat pagi dan harus melayan keinginan seperti buat kopi atau bersama di ranjang. Kak Ton tak sanggup menolak kerana tanggungjawab. Kadangkala beliau keluar hujung minggu bersama rakan lama tetapi selalu dimangsakan dengan pinjam wang, main kutu atau masuk jualan langsung. Kak Ton tak berdaya dik, Eh! Doktor.” katanya mamai-mamai.

Penawar: Centaury dihirup sesudah makan 4 kali sehari selama seminggu. Katakan dalam hati, aku tau apa aku mahu. Tidak untuk yang tidak bermanfaat.

Maklumbalas: Pening hilang. Suami tidak lagi memaksa bangun kerana beliau siapkan kopi dalam kelalang tahan panas dan roti dalam tudung saji.

5.CERATO

Cerato adalah penawar bagi orang-orang yang kurang percaya keputusan mereka sendiri. Apabila berhadapan dengan keperluan untuk membuat pilihan. Mereka akan “go-around asking for opinion”. Mereka ini sentiasa meminta pendapat dan nasihat orang lain, dan akhirnya keliru atau melakukan sesuatu yang mereka tahu dalam hati mereka tidak betul. Sebagai contoh, jika mereka ingin membeli sesuatu, mereka akan bertanya kepada banyak pihak, walaupun hati mereka mengetahui mereka sangat memerlukan barangan itu (seolah-olah nak *confirmation from other* dulu baru boleh beli barang). Apabila sudah membeli atau melepaskan sesuatu barulah mereka menyesal kerana



tidak mengikut kata hati.

KES KLINIKAL

Keluhan: Lemah Tenaga Batin

Abe Aji masih dalam perkhidmatan di Jabatan Air. Kerana penampilannya yang sedikit warak, orang-orang di pejabat memanggil beliau sebagai Tok Aji. Beliau disenangi kerana tidak sombong bahkan selalu beramah-mesra.

Sebelum mengisi borang, kelihatan beliau mundar-mandir mengusik kawan-kawan yang telah dapatkan nasihat kesihatan. Masing-masing pun kata “aku sihat lah”... “aku kena tambah bini lah”. Beliau kelihatan keliru dan asyik tanya. “Macamana doktor muda tu, ok ka? bagus tak aku minta check?” “Pi la”, desak kawan-kawan.

Setelah semua telah pergi baharulah beliau datang dengan borang yang telah siap dilengkapi maklumat. “Tuan doktor muda”, katanya membuka mulut. “Ada tak obat kuat?”

Kami pun berunding. Tidak henti-henti beliau bertanya tentang produk, lenguh nak menjawab. Tidak lama kemudian, datang peserta lain duduk di sebelahnya. Mat, kau rasa aku perlu tak ambil penawar ni?

La tok aji kan selalu dok tanya, ni tuan penceramah dah jelaskan tadi. Eloklah tuan minta preskripsi. Setelah tanya kiri kanan, akhirnya beliau setuju

Sebelum beredar, beliau tanya lagi. “Doktor, kalau saya hantar anak saya belajar homeopathy, ok tak?”

Penawar: Cerato dihisap 6 kali sehari selama seminggu

Maklumbalas: Beliau mengirim sms memberitahu penawar beliau hilang sewaktu berpindah ke jabatan lain. Minta diposkan semula. “Bagaimana pindah jabatan baru tuan?” Tanya saya. “Bagus sangat, saya suka dan bersemangat”, jawab beliau.

6. CHERRY PLUM

Cherry Plum adalah salah satu remedi yang Dr Bach yang dikumpulkan bersama di bawah Kategori Ketakutan. Ketakutan Cherry Plum adalah sangat khusus: ia merasa takut bahawa ia akan hilang kawalan diri sendiri dan melakukan sesuatu yang dahsyat, seperti mencederakan orang lain atau

mencederakan diri sendiri. Personaliti Cherry Plum biasanya adalah seseorang yang sudah lama menderita, terdera dan memendam rasa atau merasa tiada jalan keluar kepada masaalahnya. Dia sebenarnya bukanlah orang yang suka marah. Namun tindakannya untuk marah berapi-api serta bertindak tidak rasional, adalah akibat dari pendaman perasaan sehingga ia hilang kawalan diri. Cherry Plum juga akan terfikir untuk membunuh dirinya atau membunuh orang lain dan dia takut akan melakukan tidakan sedemikian akibat hilang kawalan dirinya.



KES KLINIKAL

Keluhan: Tantrum

Adik Qaseh Balqis anak pertama daripada dua beradik dengan jarak 3 tahun. Kerana lama sebagai anak tunggal, mula merasakan hilang perhatian apabila ibu sibuk mengurus adiknya yang masih bayi.

Setiap kali ke pasaraya, pastilah ada ragam yang ditonjolkan. Mulai meminta menu yang pelbagai tetapi tidak dimakan habis sampailah minta dibelikan permainan yang bukan-bukan seperti pistol, penyeduk sampah dan kereta sorong

Pernah sekali di restoran ayam penyet, ibu enggan berikan sambal. Qaseh meronta sambal melempar piring lalu pecah. Apabila diberi, naik kepedasan tambah lagi menangis melalak. Terpaksalah sekeluarga berhenti makan lalu pulang ke rumah

Kunjungan ke pusat rawatan melihat Qaseh seorang yang aktif, mesra dan peramah. Suka pegang alat-alat dalam bilik rawatan. Usik kawan-kawan yang menunu di ruangan hadapan. Lari sana-sini. Ibu panggil tapi tidak diendahkan. Semakin ibu panggil untuk duduk, semakin ia meronta dan mula menjerit.

Penawar: Cherry Plum dihisap 3x sehari selama seminggu. Ulang rawatan apabila sikap kembali agresif.

Maklumbalas: Lebih mudah mendengar kata termasuk jadual makan dan mandi. Boleh dipujuk dan diterangkan apabila meminta dibelikan permainan.



7. CHESTNUT BUD

Chestnut Bud adalah bagi orang-orang tidak belajar dari kesilapan dirinya. Mereka boleh mengulangi kesilapan yang sama berulang-ulang kali. Mereka menyaksikan orang lain melakukan kesilapan namun tidak menjadikan ianya iktibar dalam

kehidupan mereka sendiri. Sifat tidak “observant” ini menjerumuskan mereka kepada pelbagai masalah. Remedi Chestnut Bud membantu seseorang personality Chestnut Bud ini belajar melihat kesilapan diri dan kesilapan orang lain agar tidak terjerumus ke kancah masalah yang sama.

KES KLINIKAL

Keluhan: ADHD

Remaja berusia 15 tahun akan menduduki peperiksaan besar tahun ini. Ibubapa sudah tidak beri harapan kerana anak berada dalam kelas pemulihan. Tulis nama tahu, membaca tahu tetapi mengeja benda baharu akan terkial-kial.

Setiap kali balik ke rumah, emak akan berleter kerana stokin dicampak merata tempat. Berkali-kali nak dipanggil makan siang. Kemudian jenuh nak suruh solat. Belum lagi jiran sebelah kena hon berkali-kali nak menumpang ke sekolah ugama (mengaji). Demikianlah setiap hari membuat ibu letih dan kecewa.

Dari segi pembelajaran juga tidak memberangsangkan terutama matematik dan sejarah. Sudah hadir tuisyen tetapi tiada perubahan. Dibelikan kismis dan madu pun begitu juga.

Cakap nak diulang berkali-kali baharulah faham. Misalnya selepas keluar tandas, dah disuruh curah air dan tutup lampu, semudah itu pun culas.

Penawar: Chestnut Bud sebiji dihisap 6 kali sehari selama seminggu.

Maklumbalas: Stokin sudah tahu diletak ke dalam baldi di luar bilik air. Menunjukkan minat untuk belajar vokasional selepas PT3, minta pendapat ayah.

8. CHICORY

Chicory adalah personality yang sangat possessive. Ia terlalu mengambil berat dan mengawal keluarga atau orang-orang yang tersayang dengan



sangat ketat. Ia akan berkhidmat keterlaluan, memperhambakan dirinya kepada orang yang disayang; atau untuk disayangi. Dia bekerja terlalu keras, tidak rehat dan selalu merasakan bahawa dirinya tidak dihargai walaupun sudah berpenat lelah dan sudah begitu banyak berkorban untuk orang yang disayang. Chicory akan mengawal orang yang disayang seolah-olah isteri atau suaminya itu adalah hak mutlaknya. Ia akan mengungkit-ungkit tentang semua pengorbanannya dan akan menangis apabila tidak mendapat sebarang simpati. Dia orang yang sangat “selfish” mementingkan perasaannya semata-mata dan penuh dengan “self-pity”

KES KLINIKAL

Keluhan: Datang Bulan Tidak Teratur

Puan Shasha berusia awal 40-an memiliki keluarga bahagia dengan 4 orang anak yang pintar. Wanita bekerjaya dan mahukan yang terbaik sahaja untuk anak-anaknya. suamipun bekerja professional jadi agak sukar bagi beliau untuk datang membuat temujanji. Oleh kerana anak beliau mengalami eczema dan disarankan ke pusat kami, terus sahaja beliau datang tanpa membuang masa.

Sejak dua tiga tahun ini, beliau mengeluh datang bulan tidak teratur. Pernah sampai 3 bulan kosong. Disarankan membuat rawatan terapi penggantian hormon (HRT) tetapi beliau risau.

“Takut terjadi apa-apa kat saya. Siapa nak jaga anak”,ujarnya.

“Lagipun saya sudah membeli ubat homeopathy secara online. Tapi, belum Nampak perubahan positif”,rayunya agar dapat pulih demi anak-anak kami berunding cara lebih dalam sampai kepada hal suami dan mertua.

“Suami saya, Alhamdulillah baik sangat. Saya pun cuba lah korban apa yang patut, kan? Tapi itu lah kadang depa ni tak nampak. Sedih juga”. Katanya sambil menunjukkan riak wajah kesal.

“Saya kan, masih ingat kat kucing Sibobo. Orang dengki tulah.. dah pergi.”

Penawar: Chicory diberi secara semburan 6x sehari selama seminggu. Minyak Srikandi dibekalkan untuk dioleskan ke ari-ari dan pergelangan kaki setiap

sebelum tidur malam.

Maklumbalas: Pesakit datang untuk susulan selepas 3 minggu. Ini hari ketiga beliau sedang datang bulan. "Agak banyak," katanya tersipu-sipu.



9. CLEMATIS

Clematis adalah bagi orang-orang yang fikirannya melayang jauh. Dari masa kini ke alam fantasi masa depan, atau ke dalam versi alternatif masa kini. Selalunya mereka impikan kejayaan masa depan, usaha kreatif dan pencapaian. Bahayanya adalah

mereka tidak cukup persediaan dalam reality sekarang untuk menjadikan impian mereka berlaku. Mereka juga tidak mengalu-alukan pendapat orang lain. Malah suka menyendiri dan membuat sesuatu keputusan yang mereka tidak arif mengenainya, justru menjerumuskan mereka kepada masalah yang besar. (Misalnya meminjam wang dari sindiket, membuat suatu yang tidak memberi pulangan yang baik, dll). Remedi Clematis merupakan ubat yang membantu membawa kita berpijak ke bumi nyata dan kembali kepada diri kita sendiri supaya kita boleh bertindak dengan betul untuk membina kehidupan yang lebih baik, bukan hidup dalam sia-sia. Clematis digunakan untuk membantu orang yang fikirannya kabur (*blurr*), cepat tertidur (walaupun ketika mendengar ceramah atau sedang menunggu giliran), orang yang lemah kekuatannya dan mudah pengsan.

KES KLINIKAL

Keluhan: Carpal Tunnel Syndrome

Puan Laila bekas setiausaha syarikat yang bergaya dan rajin menghadiri seminar luar biasa anjuran syarikat jualan langsung. Saat runding cara beliau sempat cuba mempengaruhi saya bergabung dengan "Projek Aku Kaya Esok". Beliau bosan menjadi suri rumahtangga dan mendambakan percutian salji ke Eropah sambil menikmati kemewahan hidup.

Penyakit ngilu sendi di pergelangan tangan, sukar meluruskan jari apabila bangun pagi serta lemah menggenggam mula dideritai setelah bersara awal. Beliau rajin mendapatkan terapi fisio tetapi belum ada perubahan positif

Penawar: Clematis diminum 3 sudu 3 kali sehari selama seminggu. Oleskan tempat sakit dengan Krim Rescue sebelum tidur malam.

Maklumbalas: Kesakitan melega tanpa perlu mengambil pil penahan sakit. Kini mula mengikuti pengajian usrah kaum ibu di surau taman perumahan.

10. CRAB APPLE

Ini adalah penawar kepada seseorang yang selalu merasa dirinya kotor, menggelikan (seperti ada kutil, atau sedikit cela pada kulit) atau merasa dirinya selalu berbuat salah, atau ada saja yang dia tidak puas hati dengan dirinya sendiri (*self-dislike*). Orang-orang yang OCD (*Obsessive Compulsive Disorder*) sangat memerlukan Crab Apple untuk memulihkan keadaan emosi mereka.

KES KLINIKAL

Keluhan: OCD

Adik Kamarul Aiman Adinshah, anak Puan Kemala akan menduduki ujian darjah enam selalu lambat ke sekolah. Beliau anak yang pintar, sentiasa berpakaian kemas serta patuh pada orangtua.



Satu sikap pelik yang diperhatikan ialah mandi terlalu lama, tidak kurang 40 minit. Sering bergaduh dengan adik apabila gel perapi rambutnya diusik hatta hanya kerana beralih tempat.

Puan Kemala mula mengesyaki sesuatu tidak kena apabila Kamarul sering tidak berselera makan apabila mereka singgah ke kedai makan. Membasuh tangan terlalu lama hingggakan sering menukar sudu garpu.

Saya cuba berbual-bual dengan Kamarul tentang hobinya, cita-citanya serta keadaan bilik tidurnya. Gaya bijak dan teratur sangat kental pada jiwa anak ini.

Penawar: Crab Apple sebiji dihisap 3 kali sehari Selama seminggu. Kemudian datang semula untuk rundingcara

Maklumbalas: tempoh dalam bilik mandi sedikit berkurang. Belum pernah berkelahi dengan adik sehingga satu bulan. (Saya minta ibu cuba alihkan barang untuk menguji, hasilnya positif. Beliau hanya cari tidak lagi marah)



11. ELM

Elm adalah ubat untuk orang yang kurang keyakinan terhadap tanggungjawab yang besar yang perlu mereka ambil. Personaliti Elm sebenar adalah orang-orang yang sangat bertanggung jawab dan berjaya menjalankan kerja-kerja yang ditugaskan kepada mereka dengan baik dan teratur.

Namun, adakalanya mereka merasa bebanan kerja membuatkan mereka rasa terhempuk ke bawah dan mereka merasa tidak akan dapat menanggung tanggung jawab yang berat itu. Elm adalah seorang yang sangat prihatin terhadap orang lain yang bekerja bersamanya dan selalu memastikan orang lain dibantu. Rasa “lelah” terhadap tugas mereka dapat dibantu dengan mengambil penawar ELM agar dapat menghilangkan perasaan ini supaya mereka boleh meneruskan kehidupan kita tanpa berfikir tentang kegagalan.

KES KLINIKAL

Keluhan: SLE

Puan Ernie adalah Ibu Tinggal yang membesarkan satu anak. Suaminya masih sah tetapi ibarat biawak hidup. Culas memberi nafkah zahir batin. Tidaklah sampai memukul isteri dan tidak juga melaksanakan tanggungjawab.

Kulit wajahnya kemerah-merahan sementara lengannya kurus dan kering seperti kotak kosong. Selalu merasa kelelahan meskipun sangat rajin dan kuat bekerja.

Penawar: Diberi penawar homeopathy serta nasihat pemakanan. Dua minggu kemudian datang kembali untuk susulan diberikan Elm dihisap 6 kali sehari selama seminggu.

Maklumbalas: Pesakit datang untuk susulan selepas sebulan, kini lebih ceria dan tiada keletihan melampau seperti sebelumnya. Sudah tidak perlu urut bahu dan belakang badan.

12. GENTIAN

Gentian adalah untuk orang yang mudah kecewa bila ada masalah yang datang



dalam hidupnya, walaupun masalah itu boleh ditangani. Ia tiada kekuatan untuk menghadapi sesuatu yang sukar dan memandang masalah secara negatif setiap masa. Sebagai contoh, bila selalu dapat markah rendah dalam kelas, terus tak mahu berusaha dan belajar lagi. Selalunya perasaan untuk 'mengalah' ini datang dengan sendirinya. Remedi Gentian boleh

digunakan untuk meningkatkan kepercayaan diri agar seseorang itu dapat membuat sesuatu yang betul dan bukannya hanya berharap pada pertolongan orang lain. Personaliti Gentian akan menjadi kurang pesimis dan lebih bersedia untuk mencuba lagi.

KES KLINIKAL

Keluhan: Anak Malas Belajar

Aiman sebelum ini lekas berjalan, cepat bercakap bahkan kelihatan pintar di peringkat tadika. Sebaik masuk sekolah rendah, ibunya melaporkan prestasi semakin merosot.

Saya cuba bercakap-cakap dengan Aiman seputar permainan dan rancangan tv yang disukai, namun ibunya selalu menyampuk dan mendesak. Nampaknya anak ini kurang dorongan, kecewa atau rimas oleh kongkongan serta takut berlumba (bersaing).

Penawar: Gentian diberikan 3 kali sehari selama seminggu kemudian datang untuk susulan selepas dua minggu.

Maklumbalas: Keyakinan meningkat, minta dibelikan buku yang diminati serta mula berbual-bual mengenai hal sekolah.

Ibu diberi nasihat keluarga (parenting) agar lebih terbuka dan beri peluang kepada anak untuk meneroka potensi diri

13. GORSE

Gorse adalah penawar bagi orang-orang yang tidak yakin dia mempunyai sebarang harapan lagi. Seandainya mereka sakit, mereka akan merasa bahawa diri mereka tidak boleh diubah, dan apa-apa yang boleh dilakukan lagi

Semuanya tiada kepastian bagi personaliti ini. Gorse hilang kepercayaan terdapat semua yang dia pernah percaya. Jika seorang memberikan dia kata-kata nasihat ataupun apa-apa ubatan dia untuk dia mencuba, dia akan mengambilnya sekadar untuk mengambil hati orang lain. “Saya ambil saja la, walaupun saya tahu takde maknanya saya boleh sembuh lagi.” Dia tidak akan terpengaruh dengan apa pun yang orang lain kata. Keyakinannya sudah hilang.



Remedi Gorse sangat perlu diberikan kepada seseorang yang mula-mula didiagnosa penyakit kronik seperti kanser, leukemia dsb. Remedi Gorse memberikan harapan dan fikiran yang lebih terbuka kepada orang yang menderita sakit.

KES KLINIKAL

Keluhan:Kusta

Tuan Nang, mantan pekerja bank yang terlibat dalam skim pemberhentian pekerja secara sukarela (VSS). Peringkat awal bertugas di kaunter hadapan tetapi akhirnya berpindah randah.

Masalah kulit dilaporkan sejak kecil tetapi baharu didiagnosa sebagai kusta oleh rumah sakit daerah dan sejak itu hilang keyakinan diri, tidak suka bergaul serta risau dengan masa depan.

Datang ditemani isteri yang sebenarnya dipaksa dapat dilihat daripada caranya memerintah isteri mengisi borang peribadi serta endah tak endah dalam rundingcara.

Penawar: Gorse diberikan 6 kali sehari selama seminggu sesuai dengan watak beliau yang menyatakan memang sudah takdir Tuhan. Susulan selepas dua minggu kemudian

Maklumbalas: Isteri melaporkan suami mula membaca di internet mengenai kebaikan bunga-bunga dalam penyembuhan. Mula menyapu losyen sebelum tidur. (losyen ini sudah berbulan-bulan dibeli tetapi letih hendak mengingatkan beliau setiap malam)

Dalam lawatan susulan, rundig cara bagi memilih penawar homeopathy dilakukan. Pesakit mula membuka mulut dan sudi berbual.

14. HEATHER

Heather adalah bagi orang-orang yang taksub dengan diri mereka sendiri tetapi tidak suka bersendirian. Sepanjang masa bercakap panjang lebar dan menyeluruh tentang masalah mereka, besar dan kecil, sehingga orang mula bosan dan letih mendengar cerita mereka malah akan cuba untuk mengelakkan diri daripada mereka ini. Mereka tidak perasan bahawa tingkah laku mereka itu menggambarkan ketidak-prihatinan mereka terhadap masa orang lain ataupun perasaan orang lain. Mereka akan memperbesarkan benda-benda kecil (busut dikatakan gunung) dan sesiapa yang sudah terjerat mendengar mereka bercakap sukar melarikan diri kerana mereka boleh bercakap tanpa berhenti-henti. Personaliti Heather akan menjadi kesepian yang disebabkan oleh tingkah laku mereka sendiri. Remedi Heather membantu seseorang melihat kebimbangan dirinya sendiri dalam konteks/pandangan orang lain. Ini akan mengurangkan keperluannya untuk bercakap dan mulai belajar menjadi pendengar yang baik.



KES KLINIKAL

Keluhan: Rambut Gugur

Pesakit seorang peguam muda yang kelihatan segar dan berkeyakinan tinggi. Tuan Asmadi menceritakan beliau telah mencuba pelbagai jenis produk sambil memberi ulasan lengkap mengenainya.

Beliau mengakui rambut gugur kerana tekanan bekerja sambil mempertahankan bahawa beliau tidak banyak mengambil makanan ringan seperti mee segera, air tin atau jeruk.

Sesi rundingcara sangat rancak kerana mulut beliau becok seperti bertih jagung. Perbualan sampai tahap beliau menceritakan pengalaman beliau dengan tuan hakim dan menteri. Pendek kata cakap tinggi sepanjang masa.

Penawar: Heather diberikan dalam bentuk biji dihisap 4 kali sehari selama seminggu sementara penawar homeopathy diberikan sebanyak 4 dos.

Maklumbalas: Pesakit culas hadir rawatan susulan. Saya cuba mengusik, "Jumpa menteri kah?" Beliau menjawab, "Eh bukanlah. Saya terpaksa hadir kursus.

Minta maaf sangat tak dapat patuh jadual”.

Rambut kurang gugur namun belum lihat pertumbuhan. Kali ini, pesakit diberikan Minyak Tumpu untuk diurut di kulit kepala bagi tujuan merangsang peredaran darah.

15. HOLLY

Holly sebenarnya adalah penawar untuk mereka yang sangat negatif, perasaan agresif ditujukan kepada orang lain – mudah benci, dengki, syak wasangka, iri hati, busuk hati dan tidak mahu bertoleransi. Masalah asas utama bagi personaliti ini adalah kerana ketiadaan cinta. Kadang kala, sifat yang ada dalam dirinya tidak berpunca pada apa-apapun yang boleh membuatnya berperasaan begitu. Misalnya apa yang orang lain miliki, dia juga ada... tetapi dia rasa sakit hati kerana menganggap sepatutnya hanya dia saja yang perlu memiliki sesuatu itu, bukan orang lain. Remedi Holly ini berfungsi untuk menggalakkan seseorang itu menjadi lembut hati, menyedari pentingnya sifat murah hati serta keterbukaan terhadap orang lain.



KES KLINIKAL

Keluhan: Tekanan Darah Tinggi

Hajah Che Tom datang mendapatkan rawatan macam nak pergi majlis orang kahwin. Berbaju kurung cantik sarat macam pokok krismas. Pengetahuannya baik tentang rawatan di hospital manakala sangat sinis terhadap produk makanan tambahan dan rawatan pilihan.

Beliau mengulas panjang lebar tentang orang yang menjual kismis dan madu sambil menuduh secara pukul rata, semuanya penipu!

Penawar: Holly diberi dalam bentuk air dihirup 6 kali sehari selama seminggu. Penawar homeopathy dalam bentuk dibiang bagi mengawal tahap tekanan darah tinggi. Ubat hospital diteruskan seperti biasa.

Maklumbalas: Pesakit melaporkan badan lebih selesa, tengkuk dan pundak tidak tegang. Baharu melakukan rawatan susulan di hospital dengan bacaan tekanan darah yang positif berbanding sebelumnya. Beliau memohon agar dos ubat

hospital diturunkan.

16. HONEYSUCKLE

Honeysuckle adalah bagi orang-orang yang hidup pada 'masa lalu' dan bukannya sekarang. Mereka merasakan bahawa hari terbaik mereka berada di belakang mereka dan enggan ataupun hanya sedikit keinginan untuk melihat ke hadapan. Akibatnya mereka lebih suka untuk kekal di atas kegembiraan masa lalu (atau musibah lalu). Honeysuckle adalah penawar yang membantu kita untuk mengubah pendirian dan menyedari bahawa masa lalu hanyalah kenangan. Dia perlu mengenang, tetapi tidak terus hidup dalam masa silam agar dia boleh maju dan ke hadapan serta bergembira dengan reality hari ini dan esok.



KES KLINIKAL

Keluhan: Gout

Tuan Haji Badrul ialah Pesara Tentera yang telah menderita sakit pada persendian. Telah menjalani rawatan di rumah sakit berdekatan secara suntikan dan ubat penahan sakit.

Beliau rajin amalkan petua-petua apalagi mencuba air akar kayu. Maklumlah, beliau berpengalaman keluar masuk hutan dan di perbatasan. "Pakcik dulu nak, zaman dahulu begitu.. begitu. Eh! tak macam sekarang nak"..demikian ujarnya.

Sambil berundingcara, beliau mengenang dahulu sebagai seorang komando yang hebat, sihat dan cergas.

Penawar: Honeysuckle diberikan sebiji dihisap 6 kali sehari selama seminggu bersama penawar homeopathy dalam bentuk air.

Maklumbalas: Baru-baru ini termakan sup tomyam dan laksa, namun sakit terkawal dan tidak lama seperti sebelumnya.

Dinasihatkan menghindar minum kopi teh serta mengamalkan minum jus nenas.

17. HORNBEAM

Hornbeam digunakan terhadap orang yang mengalami kepenatan fizikal dan mental. Golongan ini berasa ragu-ragu terhadap kemampuannya menjalankan tanggungjawab. Ragu-ragu terhadap ketahanan mentalnya berhadapan tekanan kerja. Berasa lebih letih untuk bangun tidur daripada waktu hendak tidur. Kesannya individu ini lebih suka menangguh-nangguhkan kerjanya. Sering tergugat dengan perasaan 'Monday Morning'. Golongan ini berasa letih bukan disebabkan kerja kerasnya tetapi letih dengan perasaannya yang takut dan ragu perkara yang hadapan, berasa tidak mampu berbuat sedangkan dia mampu buat pada hakikatnya.



KES KLINIKAL

Keluhan: Chronic Fatigue Syndrome (CFS)

Faezah merupakan graduan muda yang kini menjawat Perunding Teknologi Maklumat di sebuah syarikat swasta terkemuka. Tugasnya semakin mencabar membuatkan beliau sering merasa letih dan terlelap di kerusi sofa sebaik pulang ke rumah. Sering berkunjung ke spa bagi mendapatkan kerehatan dengan berurut dan mandi wap.

Daripada rundingcara, pesakit ada keraguan untuk mengambil cabaran kerjaya yang lebih tinggi atau tanggungjawab yang lebih besar.

Penawar: Hornbeam diberi secara hisap sebiji 4 kali sehari selama seminggu. Dinasihatkan berpuasa Isnin- Khamis atau berpantang gula putih dan makanan ringan. Sapu tapak kaki dengan Minyak Galak Langsing sebelum tidur malam.

Maklumbalas: Pesakit melaporkan dalam lawatan susulan dua minggu kemudian bahawa pembuangan air besar lebih lancar dan mudah bangun pagi. Badan lebih bertenaga namun masih ada kerisauan jika tidak mampu menggalas tugas besar.



18. IMPATIENTS

Ini ialah remedi bagi orang yang pantas berfikir dan bertindak. Bekerja dengan pantas dan lebih suka kerja sendirian. Apabila ada orang sedang bercerita, individu ini segera menghabiskan ayat si pencerita. Begitu juga apabila barang yang diminta lambat sampai ke tangannya si Impatients

akan terus merentap barang tersebut. Bijak dan pandai meramal dan cekap dalam hal kerja. Mereka jadi hilang sabar terhadap individu yang kerja perlahan daripadanya. Kelam kabut, semua nak cepat. Kerap sakit kepala atas sebab kurang sabar dan rasa terkilan dengan kelembapan orang lain. Tekanan mental secara mendadak. Dalam keadaan marah, panas baran tetap membuat kerja menjadi kerja kelam kabut. Penawar diberi supaya individu ini boleh bertenang dan lebih bertoleransi.

KES KLINIKAL

Keluhan: gastrik

Pesakit seorang wanita berkerjaya yang pintar dan anak satu. Puan Rosemah mengeluhkan sakit pedih ulu hati setiap kali jika terlambat makan atau agak pedas.

Oleh kerana beliau datang pada hari Sabtu, pusat kami dipenuhi oleh anak-anak istimewa. Tentunya berlaku alihan masa yang sukar diduga. Beliau tidak sabar dan berkali-kali bertanya lama lagi kah. “Kenapa temujanji saya dah lari?” Padahal tidak lebih 10 minit pun. (air tertumpah dalam bilik rundingcara, perlu dibersihkan dahulu)

Dalam sesi rundingcara, beliau suka memotong penerangan yang cuba saya sampaikan. Katanya “Tak perlulah banyak teori, cepat bagi ubat. Saya nak ambil anak kat kelas piano pula.”

Penawar: Impatients diberikan sebiji dihisap 6x sehari selama seminggu. Tiga titik lemon segar dalam segelas air minum boleh diamalkan sekali sehari khususnya pagi semasa perut kosong

Maklumbalas: susulan hanya dapat dilakukan selepas sebulan. Pesakit sangat berterima kasih kerana dalam seminggu pertama, perubahan sangat mendadak. Namun keluhan kembali semasa pekerjaan dan mesyuarat memuncak.



19. LARCH

Larch adalah penawar bagi orang-orang yang tiada keyakinan dengan kemampuan diri mereka sendiri. Mempunyai cita-cita tetapi tidak yakin dengan impiannya menyebabkan dia lebih suka menunggu orang lain bertindak terlebih dahulu. Setiap usaha tetap dilaksanakan walaupun

lewat kerana tidak terfikir akan berjaya. Larch boleh juga diberikan kepada orang yang baru mengalami kegagalan supaya dapat bangkit dengan yakin semula. Contoh, baru mengalami kegagalan dalam ujian peperiksaan atau kegagalan perniagaan. Ia juga boleh digunakan sebagai penawar suami yang tiada keyakinan dalam memuaskan isteri, perawat yang tidak yakin dengan diri kebolehan merawat pesakit.

KES KLINIKAL

Keluhan:Kebotakan

Tuan Baderol ialah seorang Penjawat awam yang tekun, suka membantu namun tidak Nampak peluang yang cerah dalam peningkatan kerjaya. “Saya rasa syukurlah, susah juga nak naik pangkat ni,” katanya sambil tersengih.

Isteri lebih kelihatan lebih muda dan sedikit gemuk menemankan hadir namun mereka belum ada rezeki anak. Saya tanyakan sudahkah ke pusat kesuburan. Jawapannya sangat mendukacitakan. “Kami tak mahu kecewa Tuan (takut gagal), nanti macam-macam pula kata pakar.”

Pesakit berhajat mendapatkan bantuan rambut yang terlalu banyak gugur sehingga menampakkan kulit kepala yang licin.Beliau sangat kecewa dengan rawatan tanam rambut yang memakan belanja RM7,000.00 sebelumnya.

Penawar: Larch diberikan dalam bentuk air untuk dihirup 6x sehari selama seminggu diikuti penawar homeopathy sekali seminggu.

Minyak Tumpu diramu khusus bagi menggalakkan kesihatan rambut kulit dioleskan serta diurut lembut pada kulit kepala setiap pagi selepas mandi.

Maklumbalas: Susulan selepas 3minggu, beliau melaporkan kurang rambut gugur. Sebelum ini banyak di bantal,kini tiada lagi. Pesakit tersengih memaklumkan hubungan suami-isteri semakin intim. Saya menjelaskan rawatan akan mengambil

masa, harus konsisten dan bersabar. Pesakit bersetuju meneruskan rawatan secara Tusuk Jari secara bulanan bagi menguruskan kesihatan umum.

20.MIMULUS

Sesuai untuk individu yang pemalu dan segan. Takutkan sesuatu. Contoh takut gelap, takut berucap dikhalayak ramai, takutkan kesakitan. Gementar untuk bertemu doktor gigi, melintas jalan, takut cepat tua. Kebiasaannya menyembunyikan perasaan takut. Mulutnya menjadi kering bila berbicara, dan akan bercakap dengan laju, untuk menyembunyikan rasa gementar. Ketika sakit, individu Mimulus amat takut untuk bergerak (khuatir melarat)



KES KLINIKAL

Keluhan: Kemurungan

Ini kes yang sangat sensitif, kita namakan sahaja beliau sebagai Cik Siti. Pada mulanya pihak keluarga juga berselindung namun saya ringkaskan hasil rundingcara.

Pesakit sedang mengandungkan anak luar nikah hasil perhubungan dengan teman lelaki yang kini menghilangkan diri. (Namun saya mengusulkan perlu membuat laporan polis dahulu disusuli dengan pemeriksaan perubatan, berkemungkinan juga tiada kandungan)

Sepanjang hari, hanya duduk di dalam rumah bahkan enggan menonton TV atau menyidai pakaian. Tidak berminat bercakap, membuat kerja rumah. Duduk dalam bilik sahaja.

Saya dibawa oleh keluarga pesakit ke rumah bagi meninjau sendiri keadaan anak mereka. Rundingcara dilakukan secara santai berjauhan kerana pesakit masih malu dan takut bertemu orang asing

Penawar: Mimulus diberikan secara semburan ke bawah lidah 6 kali sehari selama seminggu. Semburan Rayyan khusus untuk kejutan jiwa, kesedihan, ketakutan dan kemurungan juga dibekalkan bagi membantu suasana tenteram.

Maklumbalas: Seawal tiga hari, pesakit mula keluar ke dapur memasak air dan membuka radio. Perbualan masih terbatas tetapi mula makan bersama keluarga.

Rawatan susulan setiap tiga minggu. Dalam bulan ketiga, pesakit melakukan pemeriksaan perubatan kerana tiada tanda kehamilan. Alhamdulillah, dengan izin Allah beliau tidak hamil. Pesakit minta nasihat apakah langkah seterusnya. Ibubapa mahu masukkan ke pusat tahfiz.

Saya sarankan beliau menghadiri kursus kemahiran seperti menjahit, berkebun organik sambil mengikuti pelatihan wanita mandiri yang berdekatan.

21. MUSTARD

Penawar untuk kemurungan yang tidak dapat dikenalpasti punca. Sakit kepala yang teruk, buntu bagaimana untuk hidup gembira. Kemurungan ini datang secara tiba-tiba. Contoh sang ibu didatangi serangan kemurungan terasa harinya gelap yang panjang, hilang minat untuk mengemas seperti rutin biasa, hilang minat dalam semua hal. Semua benda akan kelihatan tidak cantik. Suka menyendiri bila kemurungan itu datang dan menangis tiba-tiba.

KES KLINIKAL

Keluhan: Meroyan

Puan Jemilah melahirkan anak ketiga di rumah sakit swasta secara bedah dan meneruskan berpantang di rumah mertua. Suami beliau ditugaskan bekerja di luar negara selama setahun.

Anak pertama terlalu giat manakala anak kedua sering sakit. Beliau telah menghubungi berkali-kali dan berjanji untuk datang mendapatkan rawatan. namun cakup sahaja.

Selepas anak ketiga mulai makan bubur (bahkan cerai susu), beliau tiba-tiba muncul di pusat rawatan. Rundingcara berlangsung sepi, perbualan tidak begitu lancar pada awalnya. Beliau sukar menjelaskan apa masalah beliau. "Mungkin saya gila tak?" Tanyanya

Penawar: Mustard diberikan secara hirup 6 kali sehari selama seminggu. Oleh kerana penjagaan berpantang beliau tidak teratur, ada keluhan bisa di tempat bedah, saya berikan juga Set Berpantang Homeopathy bagi menguruskan aneka keluhan tersebut

Maklumbalas: Pesakit melaporkan beliau tiba-tiba marah kepada anak



yang terlalu giat, kemudian memutuskan pulang ke rumah sendiri diikuti mula mengemas rumah sambil membebel apabila anak-anak menyepahkan permainan. "Saya mendapat kembali hidup saya", ujarnya Syukur!



22. OAK

Oak seorang yang cekal, tabah, berani, tidak putus asa menghadapi musibah dan penyakit. Seorang yang bekerja keras siang malam menyelesaikan masalah orang lain tanpa memberi peluang pada dirinya sendiri untuk berehat. Kebiasaan pesakit ini kerap sakit bahu dan tengkuk atas faktor

bekerja keras. Jika sakit dia akan sehabis baik mencari penawar kerana dia perasan dirinya diperlukan untuk menyelesaikan masalah orang lain. Orang keliling mudah meluahkan perasaan kepadanya. Oak diberi supaya pesakit dapat mengimbangkan antara kehendak kerja dan kerehatan, memberi rasa seronok bekerja

KES KLINIKAL

Keluhan: Cervical Spondylosis

Cik Nita ialah sukarelawan di pertubuhan bukan kerajaan yang sangat giat. Memang minat beliau sejak bangku sekolah sehingga sering berpergian mengikuti acara luar daerah.

Kini menderita sakit pada tulang tengkuk dan pundak. Puas berubat secara urutan, kiropraktik dan sapuan tetapi pada akhirnya disarankan pembedahan.

Penawar Oak diberi secara hisap 6 kali sehari bagi mengimbangkan kejiwaan namun rawatan secara jasmani adalah perlu. Saya cadangkan beliau lakukan rutin tusuk jari 2 kali seminggu selama setengah jam. Beliau setuju memandangkan jadual kerja beliau yang anjal.

Maklumbalas: Keluhan pada tengkuk melega secepat 3 hari. Susulan selepas tiga minggu, beliau melaporkan akan mengembangkan kerjaya di organisasi baharu dan ingin mendapatkan nombor yang boleh dihubungi di ngeri tempat beliau akan bertugas. Saya kini lebih bersemangat!

23. OLIVE

Kepenatan mental dan fizikal. Pesakit telah melalui kesakitan dalam tempoh yang lama menyebabkan dia malas untuk berubat lagi. Terlalu banyak kerja dalam satu hari. Kurang enjoy dalam hidupnya. Contohnya seseorang yang membuat kerja kerana minat akhirnya hilang minat kerana beban kerja.



KES KLINIKAL

Keluhan: Dementia

Tuan Majid merupakan seorang anggota media yang berjaya dan komited terhadap tugas. Hari demi hari kerja semakin menumpuk dan beliau mula rasa terbeban kerana mengalami kemerosotan berfikir dan ingatan. Ada secara kemalangan namun telah mendapatkan rawatan homeopathy di tempat lain sebelumnya.

Kini mengamalkan pengambilan makanan tambahan seperti kismis dan madu bagi menguatkan ingatan namun semakin dipaksakan semakin meletihkan. Beliau ingin bersara namun masih menanggung anak isteri.

Penawar: Olive diberikan dalam bentuk biji untuk dihisap 6 kali sehari selama seminggu manakala penawar homeopathy diberi seminggu sekali.

Maklumbalas: Susulan tiga minggu kemudian, beliau melaporkan telah memohon untuk berpindah jabatan dokumentasi bagi mengurangkan pergerakan dan kerja luar. Kerja ini pun menarik kerana saya perlu menangkap gambar rerama dan bunga-bunga. Fikiran saya jadi jelas selepas makan penawar ini dan keletihan mengerah fikiran jadi lancar

24. PINE

Individu Pine sangat suka menyalahkan diri sendiri. Kesilapan orang lain juga dianggap kesilapan dirinya sendiri. Terlalu letih memikirkan masalah orang lain hingga dia rasa tertekan. Bila ada masalah dalam keluarganya, dia akan terus menyalahkan dirinya. Terlalu meletakkan standard kerja yang tinggi untuk

dirinya sendiri. Bila tidak capai, sendiri akan stress. Menderita dengan perasaan serba salah yang melampau. Pesakit Pine mudah mengambil tanggungjawab orang lain dan meringankan beban orang lain. Rawatan Pine diberi untuk membantu masalah depresi individu yang baru gagal menyelesaikan masalah orang lain.



KES KLINIKAL

Keluhan: Kegemukan

Puan Inah ingin mencuba rawatan pelangsingan setelah lama memendam rasa. Beliau bukanlah terlalu gemuk, hanya sedikit tembam tetapi berat melebihi bentuk badan.

Dalam sesi rundingcara, kami berbual mengenai latar belakang kerja dan keluarga sehingga akhirnya terungkai bahawa sang suami sedang berusaha menambah isteri baharu.

Beliau memang marah namun mengakui mungkin ini akibat kelemahannya sendiri yang tak pandai mengatur makan-minum suami

Penawar: Pine diberikan secara hisap 6 kali seminggu manakala penawar homeopathy turut diberikan seminggu sekali. Pesakit dinasihatkan mengurangkan nasi kepada 7 suap/sudu bagi setiap hidangan.

Maklumbalas: Pesakit rasa tak selesa kerana terlalu banyak berpeluh serta kelampauan melampau. Disarankan mengunyah buah jambu atau epal bagi memujuk rasa lapar tersebut. Berat turun 1 kg selepas 3bulan. Pesakit culas mengikuti petua pengurusan berat badan

25. RED CHESTNUT

Individu ini sangat resah / takut tentang sesuatu hal kecil yang diperbesarkan. Sakit kulit anak yang dianggap seolah-olah bahayanya seperti kanser yang membawa maut. Takut untuk memberi izin anak pulang lewat kerana membayangkan kemalangan



ngeri akan berlaku kepada anaknya. Kerap menghubungi suami yang di luar daerah kerana membayangkan musibah akan berlaku. Selalu terfikir nasib malang orang lain. Situasi lain, bila nampak orang sedang cuba melintas dari seberang jalan, dia akan terbayang orang tersebut dilanggar kenderaan. Sakit badan dan kepala kerana, pucat lesi terlalu risau hal orang lain. Penawar Red Chestnut diberi sebagai penenang dan seimbang.

KES KLINIKAL

Keluhan: Detak jantung kencang (rapid palpitation)

Kita sebutkan sahaja pesakit kali ini sebagai makcik Bawang. Seorang ibu beranak enam yang berjaya sebagai penjual kain. Anak-anak beliau berjaya sehingga ke pendidikan tinggi atau kerjaya yang lumayan.

Keluhan beliau ialah sering berdebar. Telah dibawa oleh anak sulung ke pusat pakar perubatan swasta dan didiagnosa sebagai sihat tanpa indikasi kencing manis atau darah tinggi. Disyorkan pil penenang apabila perlu.

Kami teruskan sesi rundingcara secara santai bagi mengenal lebih dalam watak si Ibu. Ternyata beliau sangat sayangkan anak-anak sehingga selalu berfikir jika terjadi musibah atau kegagalan.

"Makcik ni tak mahulah depa ikut budak-budak tak tentu arah". Berapa umur depa makcik?". "Paling bongsu dah duk uitm." "Ya ampun dah besaq la makcik". "Hang jangan, hang mana tau....la ni macam-macam".

Penawar: Red Chestnut diberikan secara hisap 6 kali sehari selama seminggu. Minyak Tenteram dibekalkan untuk disapu di tengkuk, pergelangan tangan dan kening sebelum tidur atau apabila rasa berdebar

Maklumbalas: Sususlan selepas tiga minggu, makcik bawang baharu sahaja membuat pemeriksaan kesihatan (2hari lalu) dan dilaporkan rima jantung normal dan tekanan darah stabil

26. ROCK ROSE

Kata kuncinya ialah ganas, panik, ketakutan yang melampau. Diperlukan oleh individu yang baru lepas kemalangan atau serangan fizikal atau seksual. Tidak kira dia sihat atau sakit. Anak-anak terjaga dari tidur selepas mimpi diserang dengan ganas atau kemalangan. Contoh lain adalah anak yang menangis kerana takut menghadapi peperiksaan. Terseksa jiwa kerana takutkan peperiksaan

sehingga terbawa-bawa dalam mimpi, terjaga dalam keadaan menjerit-jerit. Diberi supaya pesakit dapat tenang dan terkawal keadaan.

KES KLINIKAL

Keluhan: Mengigau, Tidur Lasak, Meracau

Adik Husni sering mengalami gangguan tidur termasuk mengigau, lasak dan kadangkala meracau seperti bergaduh atau ketakutan

Ibu telah membawa ke rawatan syifa namun belum ada perubahan yang positif.

Rundingcara mendapati suami atau ayah sudah tidak tinggal serumah dengan keluarga dan anak sering rindu hendak bertemu. Bagaimanapun kerja ayah tidk mengizinkan sering dapat bertemu. Pasangan masih belum bercerai namun sudah tidak sehaluan.

Penawar: Rock Rose dalam bentuk biji dihisap 4 kali sehari selama seminggu. Ibu disarankan meluangkan lebih banyak masa serta izinkan anak menghubungi ayah secara telefon. Perlu lebih terbuka dalam isu ini.

Maklumbalas: Pesakit semakin ceria, selera makan bertambah. Tiada lagi meracau. Ayah bersetuju ambil anak bawa ke rumah ibubapa pada hujung minggu sekali sebulan.



27. ROCK WATER

Ia merupakan remedi terbaik buat individu yang keras (degil) seperti namanya "Rock". Keras dalam fahaman politiknya, keras dalam melontarkan pandangannya dalam bab agama. Banyak idea dalam mengeluarkan teori pelbagai. Kuat prinsip hidupnya. Terlalu prihatin tentang kesempurnaan

dirinya. Sentiasa cuba yang terbaik dan berusaha mempengaruhi orang lain untuk mengikut tabiatnya. Jika sedang berdiet dia mampu membuatkan dirinya berdisiplin tinggi.

KES KLINIKAL

Keluhan: suami/ anak remaja perokok

Pada mulanya Puan Aminah datang mendapatkan rawatan susulan bagi masalah kewanitaannya. Dengan izin Allah, serasi maka kali ini minta pandangan untuk masalah anak remaja yang merokok serta suami.

Kedua-dua subjek ada bersama tetapi tersengih tersimpul malu.

Saya cuba berbual dahulu dengan suami seputar isu pekerjaan, masuk politik kemudian bab ugama. Ternyata beliau seorang yang rigid dan keras dengan aliran yang diikuti.

Anak remaja pula kelihatan kemas tidak banyak bercakap namun menafikan sekerasnya bahawa beliau masih kuat merokok.

Penawar: Rock Water diberi dalam bentuk semburan di bawah lidah sebanyak dua kali sehari. Disarankan rajin kunyah sebiji cengkih selepas memberus gigi.

Maklumbalas: Rawatan susulan, isteri melaporkan baju anak dan suami sudah tidak kuat berbau rokok. Suami pula kini rajin minta buat air rebusan cengkih sebagai ubat kumur.

Untuk anak remaja, tidak banyak maklumat kerana tinggal di asrama.

28. SCERANTHUS

Fikiran berbelah bahagi, tidak pandai membuat keputusan yang baik antara dua pilihan. Dalam keadaan sakit, sakitnya berubah-ubah lokasi sakit, suhu berubah-ubah, siang demam panas malam bertukar sejuk. Lazimnya kerap hilang peluang-peluang baik dalam hidupnya atas sebab terlalu lama dalam menetapkan keputusan yang akhirnya dia tidak membuat apa-apa pilihan. Keyakinan diri juga berubah-ubah, contohnya siang sangat yakin malamnya terus menjadi seorang yang ragu-ragu malah sesal dengan aktiviti dan keputusan awalnya. Mood juga seperti pasang surut dalam satu hari yang sama.



KES KLINIKAL

Keluhan: Lemah Tenaga Batin

Tuan Idrus bakal melangsungkan perkahwinan hujung tahun ini. Segala persiapan diatur oleh perunding. Apa yang menjadi kerisauan ialah keyakinan beliau menempuhi alam rumahtangga. "Saya risau tak boleh beri nafkah batin", luah beliau. "Kenapa pula tuan?". Tanya saya.

"Ya lah saya takde pengalaman, takut tak boleh berdiri tegak. Sekarang ni pun tengok lebih-lebih susah nak keras".

Saya sengaja ketawa berdekah-dekah namun kemudian menepuk bahu beliau. Tenang tuan, benda rumahtangga bukanlah teori. Allah akan bantu Tuan berdayang dan merasai sendiri. Usah berfikir benda yang belum pasti

Beliau mengakui telah meninjau produk-produk penguat lelaki di internet tetapi tidak pasti mana satu yang berkesan.

Penawar: Scleranthus diberi secara semburan bawah lidah 4x sehari selama seminggu. Krim Tiang Seri dibekalkan untuk dilumur dan disapu lembut membulat pada pinggang, ari-ari, pelipat kaki dan lutut bagi pengekalan kesihatan kekelakuan

Maklumbalas: Pesakit melaporkan keyakinan bertambah, lebih semangat membuat persiapan. Setahun kemudian, membawa bayi untuk rawatan demam

29.STAR OF BETHLEHEM



Star of Bethlehem adalah penawar bagi individu yang nampak tenang tetapi sangat kacau dan tidak tenteram dalam jiwanya akibat kesan trauma fizikal atau mental. Merupakan salah satu penawar dalam *Rescue Remedy*. Tidak kira kemalangan atau trauma yang berlaku itu kecil atau besar. Amat diperlukan untuk

individu yang baru mendapat khabar duka yang mengejut, kekecewaan yang melampau, dan keadaan yang membuatkan pesakit sangat derita. Contoh pesakit yang mendapat migrain teruk sejak anaknya meninggal kerana dibunuh. Seseorang yang menghadapi rhuematoid arthritis tidak dapat melupakan kisah silamnya difitnah.

KES KLINIKAL

Keluhan:Alahan ikan

Adik Syah menderita alahan melampau terhadap ikan. Jadi setiap kali menempah makanan di restoran, keluarga tidak boleh menempah ikan meskipun bukan untuk beliau. Pernah terjadi, kakak menempah isi ikan goreng bertepung. Dan dan juga Syah gatal, menangis diikuti naik gelgata.

Kisahanya akibat trauma tengok ulat dalam internet yang melaporkan pelanggan membuat aduan terhadap sebuah restoran makanan laut. Syah percaya semua kedai makan alami hal yang sama.

Peliknya boleh pula makan ketam atau sotong.

Penawar: Star of Bethlehem diberi secara hisap sebiji sebanyak 6 kali sehari Selama seminggu. Ibu disarankan membuat sup sayur berasaskan kaldu ikan

Maklumbalas: Pengambilan sup ikan tidak menimbulkan alahan kepada pesakit. Kini boleh melihat gambar dan ikan sebenar tetapi masih ragu mencuba. Keluarga sudah boleh menempah ikan namun Syah tidak berminat mencuba.



30. SWEET CHESNUT

Terlalu kecewa putus harapan. Individu yang merasakan tahap kesabarannya sudah hilang. Derita akibat *mental torture*. Pesakit merasakan hidupnya kelam dan gelap dengan masa depannya, selepas bertahun-tahun menderita. Contoh, pesakit telah menderita masalah sembelit sejak bertahun-tahun sejak kematian isterinya. Selama hayat isterinyalah yang mengurus si suami. Kematian si isteri menyebabkan si suami putus harapan dan terus menderita masalah kesihatan. Pesakit terlalu putus asa walaupun untuk berdoa.

KES KLINIKAL

Keluhan:Buasir

Haji Beddu datang untuk mendapatkan rawatan buasir yang sudah bertahun lamanya. Ini kerana beliau telah berputus asa lalu malas hendak mencari jalan. Namun kesakitan melampau yang baharu menyerangnya membuatkan sahabat beliau membawa Haji Beddu.

Runding cara mendapati beliau seorang duda yang baharu bercerai beberapa tahun. Perpisahan pada usia emaslah inilah yang membuatkan beliau terpukul dan sukar menerima.

Penawar: Sweet Chestnut diberikan untuk dihisap sebiji 6 kali sehari selama seminggu. Basuhan Calendula diberikan untuk disembur pada dubur berserta Minyak Mekar untuk rendaman.

Maklumbalas: Buasir mengecut secepat 3 hari diikuti perasaan ceria pada pesakit. Beliau menelefon menyampaikan khabar baik tersebut.



31. VERVAIN

Orang Vervain mementingkan kesempurnaan (perfectionists) sangat mementingkan keadilan. Mereka dikurniakan dengan tenaga mental yang melampau yang mana mereka rela dicampak dalam usaha kebajikan pilihan mereka. Semangat Vervain merasakan keperluan yang kuat untuk meyakinkan orang lain dengan pandangan mereka sendiri. Tetapi dalam keadaan ekstrem mereka menjadi terlalu fanatik, tidak mahu mendengar pandangan orang lain, dan mereka boleh bekerja dibawah tekanan. Bermatian-matian hendak orang mendengar hasrat dan cita-citanya. Bekerja penuh semangat melebihi kemampuan fizikalnya dalam menjayakan misinya.

KES KLINIKAL

Keluhan: Radang Tonsil

Hajah Kamariah disegani oleh kakitangan sekolah kerana sikapnya yang tegas dan mementingkan kesempurnaan. Datang ke pusat rawatan dibawa oleh kerani beliau yang berpuashati atas kesembuhan anak yang mengalami radang tonsil.

Menurut pesakit, beliau sering amalkan menghisapkan gula-gula batuk atau Lozenges bagi melegakan ketidakselesaan kerongkong selain mengamalkan air limau suam. Pakar perubatan mengesyorkan pembedahan membuang tonsil.

Rundingcara berlaku sedikit tegang pada mulanya kerana banyak pertanyaan tentang latar belakang kami selain keselamatan penawar. Pesakit juga

mempersoalkan keadaan pusat rawatan yang tiada cctv serta kerusi roda.

*Penawar:*Vervain diberi dalam bentuk semburan di bawah lidah 4 kali sehari selama seminggu. Pesakit berminat mencuba pakej Tusuk Jari namun saya mengesyorkan Sengkak Wajah disesuaikan keperluan tekanan fikiran yang tinggi serta radang tonsil.

Maklumbalas: Sudah tiga bulan tidak mengalami radang.Tidur lebih nyaman serta lebih tahan mendepani tekanan.

32.VINE

Individu Vine sangat bercita-cita tinggi, sangat gilakan kuasa. Sangat berharap orang akan taat pada setiap perintah dan percakapannya. Sangat efisien dan berkebolehan. Sangat diktator. Ibu bapa yang mendisiplinkan anak-anaknya dengan rotan. Individu Vine perlu dirawat saat dia berasa kecewa apabila tidak mencapai standard diktatornya. Rawatan bagi menurunkan amarahnya dan seimbangkan kecewaannya. Mudah mendapat tekanan darah tinggi dan kekejangan.

KES KLINIKAL

Keluhan:*Kelumpuhan Lidah*

Puan Rosemita dibawa oleh anak beliau kerana menderita serangan angin ahmar diikuti kelumpuhan pada lidah. Sukar bertutur dan merasa berat pada lidah dan kerongkong.

Tiada latar belakang darah tinggi atau kencing manis, anaknya melaporkan ibu seorang yang aktif, pekerja keras serta berdaya juang.

Namun apabila menantu pula meneruskan rundingcara menceritakan Ibu mertua seorang yang keterlaluan dalam serba-serbi. Nak buat majlis anak berkhatan pun perlu jemput hadrah, pakaian khas ditempah selain catering makanan yang mewah.

*Penawar:*Vervain diberikan dalam bentuk semburan bawah lidah 6 kali sehari selama seminggu berserta penawar khusus homeopathy. Pesakit dinasihat agar memaafkan semua orang, melupakan dendam serta meraikan kelemahan orang lain.



Maklumbalas: Pesakit tidak berpuas hati kerana belum ada tanda positif (pertuturan masih pelat). Saya mohon teruskan rawatan dan kekalkan kesabaran. Kaunseling diberikan tentang Kemaafan. Penawar dilanjutkan berserta Tusuk Jari.

Keluarga Pesakit melaporkan pertuturan semakin jelas.



33. WALNUT

Walnut adalah remedi untuk membantu melindungi kita terhadap pengaruh luar pada umumnya, yang menerima kesan perubahan khususnya. Orang Walnut sedaya upaya memenuhi tujuan hidup mereka tetapi kadang-kadang ragu-ragu laluan mereka apabila mereka mendengar pendapat, teori atau pandangan orang lain. Sebagai penawar terhadap kesan perubahan, Walnut berguna pada semua mata peralihan dalam kehidupan, dari lahir hingga tumbuh gigi untuk pergi ke sekolah untuk baligh kepada perkahwinan untuk melahirkan anak bersara dan seterusnya.

KES KLINIKAL

Keluhan:Kurus-Kering & Ketagihan Gula

Adik Nusrah segan minum air putih. Kegemarannya air sirap merah dan ungu yang didedah kepadanya sejak memasuki taman asuhan kanak-kanak. Selain itu, mulai tantrum dan mengamuk apabila tidak diberi bermain telefon genggam (ipad).

Setiap hari balik dari asuhan, meminta ayahnya singgah ke kedai makan kegemaran membeli keropok lekor atau gorengan lainnya.

Penawar:Walnut diberi secara semburan bawah lidah 6 kali sehari selama seminggu. Minyak Galak Langsing dibekalkan untuk disapu ditengkuk setiap malam sebelum tidur.

Maklumbalas:Anak mula minta minum air putih serta mahu dipujuk makan di tempat lain dan mencuba makanan sebenar (bukan makanan ringan)

34. WATERVIOLET

Seorang yang tenang dan berkebolehan. Suka buat urusan sendiri. Apabila sakit, lebih suka bersendirian, tidak suka diganggu. Berbakat dan sangat bijak serta tenang walaupun dalam kecemasan. Pergerakannya teratur dan lembut lazimnya banyak hal dia tidak bersetuju dengan pendapat orang lain. Individu ini memang berbakat namun merasakan dirinya paling bagus menyebabkan lebih suka bersendirian. Kebiasaannya menderita sakit kekejang dan mudah tertekan.



KES KLINIKAL

Keluhan: Parkinson

Tuan Tarmuji adalah orang terpelajar dan pekerjaan bergaji lumayan sebelumnya. Datang ke pusat rawatan dibawa isterinya. Sudah mendapatkan rawatan pakar namun tidak Nampak jalan kesembuhan.

Mereka hanya memiliki seorang anak namun bahagia. Tiada apa yang kurang sepanjang rundingcara kami. Penawar homeopathy diberikan dengan susulan selepas 3 minggu.

Isteri pesakit melaporkan sedikit perubahan pada suami daripada segi ingatan sambil mengisahkan kehidupan mereka sebelum ini. Suami seorang yang tegas dan suka membuat segalanya sendiri. Seperti tidak percaya kepada orang lain.

Penawar: Water Violet diberikan secara semburan bawah lidah 6x sehari selama seminggu. Digalakkan minum jus pegaga 2 kali seminggu ditambahkan gula merah.

Maklumbalas: Getaran pada tangan dan kaki masih ada namun komunikasi semakin positif. Sebelum ini asyik minta makan dan terkencing.

35. WHITE CHESTNUT

Apabila berasa risau atau terganggu, ditekan, fikiran-fikiran tersebut kerap datang hingga berlaku konflik dalaman. Fikiran jadi serabut dan letih seolah-olah, ada pertelingkahan dalaman tanpa henti di



minda. Fikiran serabut yang kekal berulang-ulang ini menyebabkan individu ini tidak dapat beri perhatian apabila orang bercakap dengannya, hilang fokus. Kebiasaannya individu ini kerap mengalami kemalangan, mudah jatuh, insomnia dan depresi.

KES KLINIKAL

Keluhan: insomnia

Puan Awliya menderita kesulitan tidur malam tanpa sebab yang jelas. Beliau mengadu tidak stress, tiada masalah keluarga serta cukup ekonomi.

Rundingcara mendapati sebelum ini beliau mengunjungi pusat pakar perubatan bagi menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan. Laporan menunjukkan adanya bacaan kolesterol yang sedikit tinggi tetapi beliau enggan memakan sebarang ubatan.

Sejak itu beliau akan rasa seram-sejuk menjelang maghrib diikuti rasa berdebar-debar. Terapi ruqyah dan minum air jampi telah dilakukan namun tidak begitu mujarab.

Penawar: White Chestnut diberikan secara hisap sebiji 6 kali sehari selama seminggu. Minyak Tenteram dibekalkan untuk disapu pada tengkuk setiap kali sebelum tidur.

Maklumbalas: Malam pertama terus dapat tidur tetapi ada gangguan terbangun sekali dua saat tengah malam dan awal pagi. Pesakit mahu sambung penawar namun saya nasihatkan beliau berpuasa dan amalkan senaman berjalan laju bagi mengeluarkan peluh dan meningkatkan kardiovaskular.

36. WILD OAT

Adalah penawar bagi seseorang yang Amerasakan mereka mahu melakukan sesuatu yang berfaedah dengan kehidupan mereka tetapi tidak tahu arah mana untuk pergi. Dalam keadaan ini, Oat Wild tidak mempunyai matlamat hidup yang jelas.

Sangat rajin dan tidak suka duduk diam. Namun bila tidak nampak matlamat hidupnya, semua pekerjaan yang dibuat adalah tidak jelas. Contoh seorang pesakit Berjaya membuka 5 jenis perniagaan yang menguntungkan tetapi



beliau tidak gembira. Sekadar menyibukkan dirinya dengan bermacam-macam urusan. Selepas rawatan beliau menjadi lebih fokus dengan satu jenis perniagaan sahaja dan gembira menguruskannya sehabis baik. Untuk kes-kes yang perawat tidak dapat symptom yang jelas atas sebab pesakit sendiri tidak tahu matlamat hidupnya, Wild Oat adalah penawarnya.

KES KLINIKAL

Keluhan: Ingin Kulit Cantik

Puan Nuzul seorang pengedar bebas bagi pelbagai jenis produk jualan langsung (MLM). Beliau datang ke pusat rawatan minta nasihat bagaimana untuk mendapatkan wajah yang lebih cantik dan badan yang menawan. Padahal beliau sudah kelihatan cantik dan menawan.

Rundingcara berlangsung secara melompat-lompat kerana beliau gemar menukar topik perbincangan namun akan kembali kepada obsess untuk cantik.

Penawar: Wild Oat diberikan dalam bentuk dihisap sebiji 6 kali sehari selama seminggu.

Maklumbalas: Pesakit datang menepati temujanji tidak sabar untuk meneruskan rawatan. Saya cadangkan lakukan Tusuk Jari Aroma menggunakan Minyak Tenteram atau Rayyan.

Temujanji ketiga, beliau menukar penampilan. Lebih ringkas dan kemas sambil memberitahu, selamat tinggal MLM!

Kini akan menumpukan urusan rumahtangga sambil berniaga online sahaja.



37. WILD ROSE

Seseorang yang terlalu bosan dengan kehidupannya dan kerjayanya. Walaupun tidak mengeluh, dia langsung tidak berusaha mencari penawar atau mencari ruang dan peluang dalam kerjaya bidang lain. Merasakan inilah ketentuan takdir hidupnya. Individu

ini hanya meneruskan kehidupannya dengan cuna beradaptasikan setiap derita penyakitnya. Menerima takdir seolah-olah tiada apa yang boleh dibuat sebagai langkah untuk keluar dari penderitaannya.

KES KLINIKAL

Keluhan: Kusta

Haji Somad menderita penyakit kulit sejak kecil maka apabila didiagnosa sebagai kusta di pusat perubatan negara lebih 10 tahun yang lalu, beliau sudah tidak berharap apa-apa lagi. Terima sahajalah, ujanrya pasrah.

Penyakit ini tidak mematikan langkahnya dalam kerja dan rumahtangga. Hanya beliau selindungi dengan sentiasa berbaju lengan panjang dan tidak menanggalkan pakaian duduk di beranda rumah.

"Kenapa tak ikhtiar ke mana-mana Tuan haji?" "Tak apalah, Allah punya kuasa, Ini pun kita bertemu sebab bawa cucu hiperaktif.

Penawar: Wildrose diberi dalam bentuk semburan bawah lidah 6 kali sehari selama seminggu. Penawar homeopathy dalam bentuk biji dihisap seminggu sekali. Semburan Rayyan dibekalkan untuk mandian dan sembran pada kulit sebelum tidur.

Maklumbalas: Kulit yang terjejas menjadi basah dan mengeluarkan air serta sedikit gatal. Saya minta pesakit bersabar dan tetap sembur dengan bekalan ubat luaran. Jangan gunakan krim pembenam gatal.

Selepas 3 minggu, pesakit datang untuk susulan. Kulit sudah mengering bahkan sedikit mengecut. Pesakit minta ubat yang lebih kuat! (wah sudah tidak pasrah sekarang)

38. WILLOW

Individu yang mengalami kemarahan dan kepahitan dalam hidupnya. Kerap menyalahkan orang lain atas keperitan yang dialami. Merasakan dia sebenarnya tidak layak mendapat keperitan ini. Keperitan ini adalah kesalahan orang lain yang terpaksa

dia tanggung. Dia merasakan hidupnya paling malang berbanding kehidupan orang lain. Menerima semua bantuan belas kasihan orang keliling dan hidup atas belas ehsan orang keliling kerana merasakan dirinya patut dikasihani. Selalu tidak berpuas hati dengan orang keliling termasuk anak sendiri. Contohnya pesakit menghadapi masalah tekanan darah tinggi selepas anak lelaki



berkahwin. Dia merasakan adalah tidak adil bertahun-tahun dia bersusah payah akhirnya anak tersebut meninggalkannya.

KES KLINIKAL

Keluhan: fibroid

Puan Hasnah merupakan seorang Ibu tunggal beranak tiga di pinggir ibukota. Beliau mampu menguruskan masalah membesarkan anak dan mencari nafkah namun merasa sangat lelah dan tertekan. Kini beban bertambah besar apabila disahkan menghidap fibroid.

Rundingcara merungkai kisah silam dengan bekas suami dan tentunya kemarahan dan rasa benci beliau membuak-buak. Sudahlah nak dapatkan bantuan daripada agensi pun sikit punya susah, hidupnya susah tak habis-habis.

Penawar: Willow diberikan dalam bentuk biji dihisap 6 kali sehari selama seminggu berserta penawar homeopathy disembur dibawah lidah sekali seminggu. Minyak Srikandi dibekalkan untuk disapu di tengkuk dan ari-ari setiap sebelum tidur malam.

Maklumbalas: Pesakit mengadu rasa macam nak terberak pada malam pertama. Esoknya membuang lawas diikuti pelegaan.

Susulan selepas tiga minggu pesakit mula ceria tidak lagi mahu bercerita keluh-kesah namun ingin menumpukan kepada penyembuhan kesihatan. Penawar homeopathy berikutnya diberikan dan pesakit disaran melakukan ujian di hospital selepas satu bulan.



penutup

Masalah emosi bukanlah masalah remeh yang boleh kita pandang sebelah mata. Berapa ramai orang yang menderita akibat tekanan emosi mengakhiri nyawanya sendiri atau menjadi tidak siuman kerana tidak dipedulikan oleh ahli keluarga. Apa yang perlu ditekankan di sini, kaum keluarga janganlah membiarkan pesakit begitu sahaja kerana menyangka bahawa masalah emosi akan dapat terlerai dengan sendirinya. Penderita memerlukan sokongan yang kuat serta kasih sayang yang memberikan sinar harapan kepada mereka.

Seseorang yang mempunyai sakit yang tidak sembuh-sembuh juga menunjukkan bahawa ia perlu menangani masalah emosinya terlebih dahulu. Apabila jiwanya lebih tenang dan perlakuannya lebih menyenangkan orang lain, insyaallah kesembuhan penyakit juga dipermudahkan. Bagi kita umat Islam, apabila dilanda pelbagai masalah, penyakit yang kronik atau pun gagal memenangi hati orang lain, perlulah kita bermuhasabah diri. Melihat apakah kekurangan diri dan belajar bersyukur atas apa jua pemberian Allah swt kepada kita menjadikan kita insan yang lebih redha dan tidak putus asa.

Semoga buku ini telah dapat sedikit sebanyak memberikan gambaran bahawa personaliti seseorang itu dapat diperbetulkan dengan bantuan tenaga bunga dan penyakit yang dihadapi oleh seseorang itu akan dapat disembuhkan.

Daripada 7 kumpulan emosi yang telah dibincangkan, kami mengadun pati tenaga bunga agar dapat digunakan untuk menangani masalah emosi anda. Gunakanlah ia dengan bijak untuk anak-anak, suami atau isteri atau sesiapa sahaja. Pati tenaga bunga ini boleh digunakan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai masalah emosi serta penyakit yang sukar sembuh, Insyaallah.

Kami sertakan carta penggunaan 7 adunan tenaga bunga ini untuk kemudahan anda. Selamat menggunakan rawatan tenaga bunga yang alamiah!

7 KUMPULAN EMOSI DAN PENAWARNYA

MASALAH	EMOSI	PENAWAR DAN KANDUNGAN PATI TENAGA BUNGA
KETAKUTAN	Trauma, takut pada sesuatu yang diketahui atau tidak diketahui puncanya. Anak yang takut berpisah dengan ibu bapa, tidak mahu bercerai susu, takut ditinggalkan seseorang yang disayang, risau yang berlebihan, risau tentang orang lain. Penawar untuk jiwa yang lebih damai dan tenteram.	DAMAI Rock Rose Mimulus Cherry Plum Aspen Red Chesnut
KURANG KEYAKINAN	Kurang keyakinan diri, fikiran yang berubah-ubah, cepat putus asa, merasa masalah tidak ada jalan keluar atau tidak dapat diselesaikan, suka kerja bertanggguh dan tidak pasti apakah yang dimahukan. Penawar untuk membangkitkan keyakinan diri.	YAKIN Cerato Scleranthus Gentian Gorse Hornbeam Wild Oat
TIADA MINAT	Suka berangan dan tidak fokus. Mengingati kehebatan masa lalu. Tidak mahu berusaha dan berubah. Penat fizikal dan mental, konflik dengan diri sendiri. Menyendiri dan menangis tanpa sebab. Tidak belajar dari kesilapan. Penawar untuk lebih fokus dan berpijak di bumi nyata.	NYATA Clematis Honeysuckle Wild Rose Olive White Chestnut Mustard Chesnut Bud
KESEPIAN	Suka menyendiri, sombong, tidak prihatin terhadap orang lain. Pantas berfikir tetapi kurang sabar, sentiasa ingin orang lain mendengar katanya. Sentiasa inginkan perhatian. Penawar bagi yang kesepian kerana sikapnya sendiri dan menjalani hidup dengan lebih ceria.	CERIA Water Violet Impatiens Heather
SENSITIF	Dengki, cemburu dan dendam. Kurang kasih sayang. Tidak suka atau tidak sesuai dengan perubahan. Mudah diperalatkan. Menyembunyikan kesedihan. Merosakkan diri sendiri dengan perkara negatif. Penawar bagi orang yang terlalu sensitif perasaannya dan memerlukan ketenangan jiwa.	TENANG Holly Walnut Centaury Agrimony
PUTUS ASA	Terlalu obsess dengan sesuatu. Penderita OCD (Obsessive Compulsive Disorder). Memenangkan diri, membebaskan diri sendiri dan berputus asa. Menghadapi tekanan mental selepas bencana. Marah pada diri sendiri. Menenangkan jiwa pesakit yang sudah tiada harapan lagi. Penawar bagi orang yang perlu belajar berserah dan redha agar jiwanya lebih tenang.	REDHA Crab Apple Oak Willow Star of Bethlehem Sweet Chestnut Elm, Pine & Larch
TERLALU SEMPURNA	Mahu semuanya sempurna dan akan selalu mencari kesilapan orang lain. Suka mengarah dan berpotensi bertindak kejam. Suka bertegang urat, provokasi dan berhujah. Terlampau peduli terhadap orang lain dan akhirnya menyesal. Penawar bagi personaliti yang terlalu keras agar belajar menjadi orang yang lebih bertoleransi dan bersifat qana'ah.	QANA'AH Rock Water Beech Vine Vervain Chicory

renungan

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ
الْقُلُوبُ

... orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi
tenteram dengan mengingat Allah. Ingatilah, hanya
dengan mengingat Allah-lah hati menjadi tenteram.

AL-QURAN : SURAH AL RA'D
AYAT 28





Untuk edaran dalaman sahaja.
Khas untuk ahli kelab zarraz sahaja